

SOALAN-SOALAN RAMALAN  
SEJARAH  
SPM 2011

DISEDIAKAN OLEH:

PN AZIZAH YUSOFF

SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)

# SOALAN-SOALAN RAMALAN SEJARAH SPM 2011

---

## TINGKATAN 4

### Bab 1

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Dinasti Chang</li><li>• Dinasti Chou</li></ul> |
|--|

**1 Maklumat di atas menunjukkan kerajaan yang wujud dalam Tamadun Hwang Ho.**

**(a) Nyatakan ciri-ciri Negara kota Tamadun Hwang Ho.**

- Negara kota Anyang
- Terdapat istana, kuil, dan pusat pentadbiran
- Raja, pembesar, dan golongan raja tinggal di bandar
- Dilengkapi tembok untuk menghalang pencerobohan musuh
- Dikelilingi pekampungan yang didiami petani

**(b) Terangkan ciri-ciri sistem pentadbiran dalam Tamadun Hwang Ho**

**•Dinasti Shang**

- Pemerintahan beraja berkuasa mutlak
- Pengganti mestilah saudara lelaki/anak lelaki
- Raja adil rakyat makmur direstui Tuhan dan mendapat mandat
- Wabak penyakit dan bencana alam akan menyebabkan mandat raya hilang
- Pentadbiran dibantu bangsawan dan pegawai kerajaan
- Bangsawan mentadbir wilayah, pungut cukai, sistem pertahanan, dan undang-undang

**•Dinasti Chou**

- Diketuai oleh raja
- Dibantu oleh Ketua Menteri
- Dibantu oleh enam badan seperti pertahanan, tentera, kerja awam, agama, undang-undang, dan hal monarki.
- Pembesar mengetuai wilayah
- Pembesar ikrar taat setia kepada raja, memberi hadiah, bantuan ketenteraan, dan melindungi raja.

**(c) Apakah keistimewaan Tamadun Hwang Ho?**

- Golongan artisan muncul daripada teknologi gangsa menghasilkan senjata, dan perisai kereta kuda untuk ketenteraan
- Artisan mencipta barangan tembaga seperti bekas minuman, senjata, dan tembikar

- Tulisan ideogram
- Berbentuk simbol
- Muncul kerana amalan menilik tulang oracle
- Tulisan asal gambar kanak-kanak, bulan, matahari, dan sungai
- Guna tulang oracle untuk menilik nasib

**2 Apakah kegiatan ekonomi masyarakat pada Zaman Neolitik?**

- Bercucuk tanam
- Menternak binatang
- Jual beli melalui sistem barter
- Memungut hasil hutan / berburu binatang / menangkap ikan

Tamadun	Tulisan
Mesir Purba	Hieroglif
Mesopotamia	<i>Cuneiform</i>
Indus	X
Hwang Ho	Y

**3 Jadual di atas menunjukkan jenis tulisan tamadun awal dunia.**

**(a) Lengkapkan maklumat berikut.**

- X – Piktograf
- Y – *Ideogram*

**(b) Nyatakan ciri-ciri tulisan hieroglif.**

- Berasaskan kombinasi gambar dan simbol
- Berdasarkan bunyi
- Ditulis pada kertas
- Dipahat pada batu dan makam

**(c) Apakah keistimewaan tulisan *cuneiform*?**

- Tulisan bergambar
- Berkembang kepada bentuk simbol
- Tulisan berbentuk pepaku
- Ditulis pada tanah liat
- Menggunakan pen daripada rumput buluh

**(d) Apakah peranan tulisan pada zaman tamadun awal?**

- Mencatat rekod aktiviti pertanian
- Merekod kutipan cukai
- Tujuan agama dan kepercayaan
- Perkembangan ilmu/pendidikan
- Rekod perniagaan

**4 Nyatakan peranan firaun dalam tamadun Mesir Purba.**

- Mengetuai pentadbiran dan dianggap suci
- Pemilik tanah
- Ketua Hakim
- Ketua Pahlawan
- Dianggap Amon Re (anak Tuhan Matahari)
- Ketua pendeta
- Melantik orang awam sebagai jurutulis
- Firaun Hatshepsut membina terusan/menukarkan padang pasir menjadi tanah pertanian

**5 Jadual berikut menunjukkan carta masa pembentukan tamadun awal.**

<b>Tamadun</b>	<b>Masa</b>
Mesopotamia	3500 S.M
Mesir Purba	3100 S.M.
<b>X</b>	2500 S.M.
<b>Y</b>	1800 S.M.

**(a) Lengkapkan jadual tersebut.**

- X ialah Indus
- Y ialah Hwang Ho

**(b) Senaraikan ciri-ciri tamadun dari aspek berikut.**

**(i) Kehidupan berorganisasi**

- Mampu mengatur cara hidup manusia
- Organisasi sosial yang paling awal ialah sistem keluarga
- Sistem masyarakat berbentuk piramid dan bersusun lapis
- Merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi
- Golongan bangsawan ialah lapisan paling atas yang menerajui pemerintahan dan diketuai oleh raja

- Lapisan kedua terdiri daripada golongan pembesar
- Lapisan paling bawah ialah golongan hamba

**(ii) Sistem pemerintahan**

- Dibentuk untuk menjalankan pentadbiran
- Wujud sistem perundangan untuk keamanan dan kemakmuran sesebuah tamadun
- Pemimpin atau raja mendakwa dirinya sebagai wakil Tuhan
- Demi mendapat pengiktirafan sebagai ketua pemerintah
- Raja menggunakan unsur magis
- Untuk mengendalikan masyarakat yang lebih besar

**(iii) Pengkhususan pekerjaan**

- Peningkatan produktiviti manusia menyebabkan pengkhususan pekerjaan menjadi lebih penting
- Peningkatan ekonomi
- Wujud pertukaran barang atau sistem barter
- Hubungan luar bermula
- Produk dihasilkan oleh pakar
- Perdagangan bermula
- Berlaku pertukaran ilmu pengetahuan, teknologi, dan budaya antara sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain

**(iv) Agama dan kepercayaan**

- Ada pegangan agama
- Percaya kepada kuasa ghaib (animisme)
- Pengiktirafan terhadap golongan pemerintah, pembahagian sosial masyarakat, serta perkembangan ilmu pengetahuan, kesenian dan pembinaan dalam proses pembentukan tamadun awal
- Manusia menghormati unsur alam untuk menjaga keamanan dan kemakmuran hidup

**(v) Sistem tulisan dan bahasa**

- Sistem tulisan awal ialah *cuneiform*, *hieroglif* dan *ideogram*
- Untuk menyimpan rekod, pentadbiran, hal-hal keagamaan dan penulisan undang-undang
- Penting untuk penyebaran ilmu dan perhubungan
- Mencerminkan tahap ketamadunan manusia
- Bahasa tertua ialah bahasa Yunani dan Sanskrit

**(c) Bagaimanakah petempatan kekal berupaya membentuk masyarakat bertamadun?**

- Corak hidup yang lebih bersistematik

- Kemajuan pertanian iaitu penanaman, penyimpanan makanan dan penternakan binatang
- Penciptaan peralatan baharu seperti cangkul dan penggunaan teknologi seperti sistem pengairan yang baik
- Hasil inovasi manusia melahirkan kemajuan dalam pertanian
- Meningkatkan lebih pengeluaran

**6 Terdapat dua bandar terancang tamadun Indus.**

**(a) Nyatakan kegiatan ekonomi masyarakat Tamadun Indus.**

- Kegiatan perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan
- Perdagangan antarabangsa dengan Mesopotamia
- Dibuktikan dengan penemuan cap mohor buatan masyarakat Indus di Mesopotamia
- Mencipta cap mohor sebagai lambang pengenalan diri atau kumpulan pedagang
- Hasil dagangan termasuklah emas, gading gajah, manik dan hasil pertanian
- Petani menanam kacang dan barli
- Golongan artisan menghasilkan barangan logam dan barangan tembikar
- Mempunyai pengkhususan pekerjaan

**(b) Senaraikan ciri-ciri bandar terancang tamadun Indus.**

- Dikelilingi oleh tembok
- Terbahagi kepada dua bahagian
- Bahagian utama terdiri daripada pusat pentadbiran dan keagamaan
- Yang menempatkan bangunan pentadbiran, tempat mandi awam untuk upacara ritual dan pembersihan serta tempat penyimpanan hasil pertanian
- Bahagian kedua ialah kawasan perumahan
- Bandar disusun berasaskan blok-blok berbentuk segi empat
- Blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalan yang lurus dan bersambung antara satu sama lain
- Selain jalan raya, bandar-bandar dihubungkan dengan sungai sebagai jalan perhubungan
- Perancangan bandar dibantu oleh kemajuan ilmu geometri dan pembinaan
- Setiap bandar mempunyai sistem kumbahan yang terancang
- Rumah mempunyai bilik mandi dan tandas
- Air dan kumbahan dari rumah disalurkan keluar melalui paip ke longkang yang mengalir di bawah jalan
- Longkang tidak ditutup untuk kerja pembersihan
- Bahan buangan dihantar ke pusat buangan

**(c) Apakah kemahiran masyarakat Indus yang boleh dicontohi untuk mencapai kecemerlangan negara?**

- Mahir dalam perancangan bandar seperti Mohenjo-Daro dan Harappa
- Bandar-bandar disusun berasaskan blok-blok berbentuk segi empat
- Blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalan raya yang lurus dan bersambung antara satu dengan yang lain
- Mahir ilmu geometri, kesenian dan matematik
- Teknik pembakaran batu bata dengan suhu yang tinggi
- Mahir dalam teknologi kumbahan
- Meningkatkan mutu bahan binaan
- Kebolehan dan kreativiti masyarakat mengeksploitasi kelebihan yang dimiliki
- Mengeksploitasikan kelebihan geografi seperti Sg Indus dengan sepenuhnya
- Memperkenalkan tulisan piktograf

**(d) Bagaimanakah amalan sikap keterbukaan tamadun Indus dapat dicontohi dalam memajukan negara kita?**

- Menerima pandangan dan bertukar-tukar pendapat dengan pihak lain
- Pertukaran teknologi dan ilmu
- Meningkatkan hubungan antarabangsa
- Menjamin keamanan dan keselamatan
- Memajukan ekonomi
- Menjalin hubungan perdagangan
- Menjamin masyarakat yang bersatu padu
- Melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif

**(e) Berdasarkan pemerhatian anda, adakah bandar tempat tinggal anda merupakan sebuah bandar terancang. Berikan alasan anda.**

- Dikelilingi pagar
- Terdiri daripada pusat pentadbiran dan petempatan
- Mempunyai rumah kedai, rumah ibadat, tempat mandi awam dan pejabat pentadbiran
- Mempunyai kemudahan seperti jalan raya dan jalan kereta api
- Sistem kumbahan bawah tanah
- Mempunyai sistem perparitan
- Mempunyai kawasan rekreasi
- Kemudahan tempat letak kereta
- Kemudahan awam seperti pengangkutan, pendidikan dan hospital
- Mempunyai majlis perbandaran

---

## Bab 2

Tamadun	Sistem Pemerintahan
Yunani	Demokrasi
Rom	Republik
India	Beraja

### 1 Jadual di atas menunjukkan sistem pentadbiran tiga buah tamadun dunia

#### a) Jelaskan sistem pemerintahan demokrasi di Yunani

- Demokrasi terdapat Dewan Perhimpunan dan Majlis
- Semua warganegara lelaki dewasa Athens dibenarkan menjadi anggota Dewan Perhimpunan antara enam bulan hingga setahun
- Dewan bersidang sebanyak tiga kali dalam sebulan
- Setiap ahli Dewan dibenarkan mengemukakan cadangan tentang dasar kerajaan
- Segala keputusan dikendalikan oleh Majlis
- Ahli majlis, Majistret, dan juri dilantik oleh Dewan
- Dewan mempunyai kuasa penuh terhadap ketiga-tiganya

#### b) Terangkan perubahan sistem pemerintahan tamadun Rom

- Pentadbiran beraja
- Megamalkan sistem pemerintahan beraja secara mutlak
- Diperintah Etruscan yang bukan berasal daripada masyarakat latin tempatan
- Masyarakat Latin pimpinan patrician memberontak
- Rom membentuk sebuah republic
- Tiada pemerintahan kuasa mutlak dalam republik
- Kuasa tertinggi terletak pada dua orang konsul yang dilantik oleh Dewan Senat
- Dua orang konsul menyebabkan mereka tiada yang lebih berkuasa
- Konsul dibantu oleh Dewan Senat wakil golongan bangsawan
- Dewan Senat membincangkan hal-hal pentadbiran dan merangka undang-undang
- Sebelum ahli Dewan Senat menjadi konsul, beliau adalah praeotor, iaitu pemerintah tentera
- Keputusan Dewan Senat akan disampaikan kepada Dewan Perhimpunan untuk diluluskan
- Julius Caesar telah menambah sistem republic dan menjadi diktator
- Sistem republik berubah apabila Rom menjadi empayar semasa pemerintahan Julius Ceasar



- Meluaskan kuasa ke Macedonia, Yunani, Syam, Mesir, Perancis, Britania, dan beberapa kawasan di Jerman
- Pemerintahan empayar membentuk sistem pentadiran pusat
- Beliau menguasai angkatan tentera, Senat serta menggunakan gelaran maharaja
- Gelaran maharaja diterkan oleh Augustus

**c) Jelaskan sistem pemerintahan Tamadun India**

- Tamadun India mempunyai dua bentuk kerajaan, iaitu kerajaan kecil dan kerajaan besar
- Kerajaan kecil bersifat kepuakan dan tidak mempunyai raja
- Kerajaan besar diketuai oleh raja
- Raja mengamalkan kuasa mutlak
- Kedudukan raja diperkukuhkan dengan upacara ritual. Raja ialah suci dan harus dihormati
- Golongan Brahmin bertindak sebagai penasihat
- Golongan Ksyatria merupakan pemerintah tertinggi serta golongan dominan
- Chandragupta Maurya menyatukan kerajaan-kerajaan kecil di India (321-185S.M) dan membentuk empayar
- Mengubah status raja kepada maharaja
- Ibu negaranya di Pataliputra
- Walaupun Asoka mengamalkan pemerintahan mutlak tetapi beliau membentuk demokrasi pentadbiran pemerintah

Tamadun	Tokoh	Wilayah
Yunani	X	Parsi, Mesir, Turkistan, Samarkand
Rom	Y	Britain, Sepanyol, Afrika Utara
India	Asoka	Kalinga
China	Shih Huang Ti	Menyatukan seluruh China

**2 Jadual di atas menunjukkan tokoh yang terlibat dalam perluasan kuasa.**

**(a) Namakan tokoh perluasan kuasa berikut.**


- X – Philip II / Alexander the Great
- Y – Augustus Caesar

**(b) Nyatakan cara perluasan kuasa tamadun India.**

- Ketenteraan
- Asoka menekankan dasar lembut dan terbuka

- Melalui penyebaran agama Buddha
- (c) **Apakah tindakan Shih Huang Ti untuk menyatukan seluruh China?**
- **Memerintah secara autokratik, iaitu tegas dan mutlak**
  - **Menghapuskan golongan bangsawan**
  - **Melantik gabenor dan panglima tentera untuk mentadbir**
  - **Mempertahankan empayar daripada serangan orang gasar dengan membina Tembok Besar China**
- (d) **Mengapakah tindakan perluasan kuasa tidak dibenarkan pada masa kini?**
- Menghormati kedaulatan negara lain
  - Melanggar hak asasi manusia
  - Kemusnahan harta benda
  - Mematuhi piagam PBB
  - Mengelakkan kemusnahan alam
  - Mengelakkan persaingan senjata
  - Menjamin keamanan sejagat

**3 Rajah di bawah menunjukkan perundangan tamadun Rom.**



**(a) Nyatakan satu daripada bahagian Undang-undang Rom?**

- Undang-undang sivil
- Undang-undang rakyat
- Undang-undang natural (*natural law*)

**(b) Bagaimanakah rakyat merujuk undang-undang tersebut?**

- Hukum kanun 12
  - Undang-undang yang dipahat pada kayu yang dikenali sebagai Undang-undang Papan Dua Belas
  - Diletakkan di tempat awam sebagai tatapan rakyat
- Undang-undang Justinian
  - Undang-undang yang telah dikumpulkan /disatukan/dibukukan

**(c) Berikan tiga prinsip Undang-undang Rom.**

- Semua manusia sama di sisi undang-undang / semua manusia tertakluk kepada undang-undang

- Seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan / didapati bersalah
- Keadilan terhadap setiap individu / memelihara hak asasi
  - Hukuman berasaskan bukti yang cukup / hukuman berdasarkan kesalahan

**(d) Pada pendapat anda, apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara?**

- Taat / patuh / setia
- Menjaga keamanan negara / stabil / selamat / harmoni
- Mengekalkan kedaulatan negara / menjaga maruah negara / menjamin kemerdekaan
- Menegakkan keadilan kepada semua / memelihara hak asasi manusia
  - Mewujudkan perpaduan
  - Mengukuhkan kedudukan raja
  - Menyelesaikan permasalahan yang wujud
  - Melihat perjalanan kerajaan serta keberkesanan / panduan pentadbiran / memudahkan pentadbiran
  - Membendung tindakan liar manusia / menjadi ikutan rakyat / membentuk nilai-nilai murni
  - Menjamin kemakmuran negara / kesejahteraan / kemajuan

**4 Jadual di bawah menunjukkan asas sistem perundangan semasa peningkatan tamadun manusia.**

**(a) Senaraikan ciri-ciri sistem perundangan di Yunani.**

- Undang-undang digubal oleh Dewan Perhimpunan
- Menurut Plato dalam bukunya *Republic*, negara harus diperintah oleh ahli falsafah kerana ahli falsafah cekap, terbaik dan berupaya menggubal undang-undang

**(b) Nyatakan ciri-ciri undang-undang tamadun India.**

- Kitab *Dharma Sastra*, iaitu kitab undang-undang Hindu yang paling tua
- Raja bertanggungjawab memelihara kesucian undang-undang
- Segala kesalahan dikenakan denda dan tindakan
  - Denda bergantung kepada keseriusan kesalahan tersebut
  - Golongan Brahmin menjadi golongan penting kerana mahir tentang hukum-hakam agama
  - Undang-undang maharaja disampaikan melalui titah dan perintah diraja semasa Dinasti Maurya
  - Segala titah perintah diukir pada tiang batu
  - Didirikan di tepi jalan untuk dibaca oleh rakyat
  - Dikenali sebagai Tiang Asoka

- Berpegang kepada konsep kesejahteraan rakyat dan pemerintahan yang adil
- Raja diumpama bapa
- Larangan penyembelihan haiwan dalam upacara korban

**(c) Apakah teras sistem perundangan China?**

- Berteraskan dua prinsip utama, iaitu hukuman berat dan bercorak kolektif
- Berteraskan falsafah legalisme oleh Han Fei Tzu pada zaman Dinasti Chin
- Hanya undang-undang yang tegas dapat mengawal tingkah laku manusia
  - Dalam menjalankan undang-undang tidak harus wujud belas kasihan
  - Undang-undang dan penguatkuasaannya harus dipelihara
  - Untuk membendung tindakan liar manusia
  - Raja mesti memiliki kuasa yang utuh
  - Bertentangan dengan undang-undang yang berasaskan ajaran Confucius yang diamalkan pada zaman Dinasti Han
  - Menekankan keperluan raja mempunyai budi pekerti yang baik
  - Menjaga keharmonian manusia dan masyarakat

**(d) Mengapakah dikatakan hanya undang-undang yang keras sahaja dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin?**

- Mementingkan kuat kuasa undang-undang
- Menjatuhi hukuman tanpa timbang rasa
  - Masyarakat sentiasa patuh
  - Tindakan dan hukuman diambil segera
  - Masyarakat takut akan hukuman
  - Proses pendidikan dan perubahan dilakukan semasa hukuman dilaksanakan
  - Hukuman terhadap pesalah akan menjadi iktibar

**5 Pendidikan membantu manusia meningkatkan tahap intelek yang seterusnya membawa kepada peningkatan dalam bidang-bidang lain di Yunani, Rom, India dan China.**

**(a) Senaraikan ciri-ciri sistem pendidikan di India**

- Agama Hindu menjadi teras pendidikan
- Pendidikan didominasi oleh kaum lelaki
  - Golongan wanita tidak mempunyai peluang untuk menerima ilmu pengetahuan
  - Pembelajaran kitab-kitab Veda dan bahasa sanskrit merupakan medium pengajaran penting
  - Kaedah hafalan adalah cara untuk mendalami kitab-kitab Veda tersebut

- Pendidikan berteraskan agama Hindu dan Buddha adalah untuk menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati
- Mempelajari hukum agama dan nilai-nilai murni untuk hidup sempurna
- Pendidikan tinggi telah diberikan di Kolej Brahman
- Sebelum itu, pendidikan diberikan di istana dan di rumah
- Lahir universiti agama Buddha, iaitu Nalanda
- Untuk menjadi Brahmin yang berpendidikan, seseorang itu perlu menghafal peraturan ritual, mantera dan lagu-lagu agama
- Mempelajari karya saintifik dan falsafah
- Pendidikan bertujuan untuk menambahkan ilmu dan mengatasi buta huruf
- Bagi mendapatkan jawatan dalam pemerintahan

**(b) Apakah keistimewaan sistem pendidikan tamadun China?**

- Matlamat pendidikannya adalah untuk lulus peperiksaan awam kerajaan
- Pendidikan untuk pentadbiran
- Terdapat tiga peringkat pendidikan
- Pada peringkat rendah, tertumpu kepada mengenal dan menghafal tulisan *ideogram* dan sembilan buah buku suci tanpa memahami maknanya
- Pada peringkat menengah, tumpuan adalah kepada karangan sastra
- Pada peringkat tinggi, tumpuan untuk menterjemah buku suci
- Peperiksaan awam mempunyai tiga tahap
- Tahap pertama *Hsiu Tai*, setaraf dengan ijazah pertama
- Peperiksaan tahap pertama dijalankan di daerah
- Mereka yang lulus ijazah pertama berpeluang menjadi pegawai kerajaan
- Tahap kedua *Chun-Jen*, setaraf dengan sarjana
- Peperiksaan tahap kedua dijalankan di ibu kota daerah
- Tahap ketiga *Chin Shih*, setaraf dengan doktor falsafah
- Tahap ketiga dijalankan di istana, di hadapan maharaja
- Mereka yang lulus ijazah ketiga berpeluang menjadi pendidik
- Peperiksaan tahap pertama diadakan dua kali dalam tempoh tiga tahun, peperiksaan awam tahap kedua dan tahap ketiga, diadakan tiga tahun sekali

**(c) Apakah ciri-ciri manusia yang dilahirkan dalam sistem pendidikan di Yunani?**

- Pendidikan di Athens bertujuan untuk melahirkan manusia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani
- Pendidikan di Sparta bermatlamat untuk melahirkan tentera yang sempurna, gagah, dan setia kepada negara

- Pendidikan di Sparta lebih mementingkan latihan fizikal dan menggunakan senjata berbanding dengan pendidikan mental
- Manusia yang cemerlang ialah manusia yang memenuhi tuntutan fizikal dan mental
- Dapat memberikan kesejahteraan kepada kehidupan manusia
- Pendidikan, sukan, muzik, kesusasteraan, seni berpidato, membaca, menghafal, dan menulis dititikberatkan di Athens
- Perkembangan pendidikan berlaku apabila banyak sekolah falsafah berkembang seperti Athens, Thebes, Elea dan Miletus
- Sekolah itu telah melahirkan sejarawan seperti Thucydides dan Herodotus
- Pemikir bidang sains dan teknologi seperti Thales, Anaximander, Heraclitus dan Anaxagoras

**(d) Bagaimanakah sistem pendidikan membawa kegemilangan kepada tamadun Rom?**

- Pendidikan amat menekankan aplikasi ilmu yang praktikal
- Menekankan semangat setia kepada Rom
- Melahirkan jurutera yang dapat membina sistem pengairan, bangunan dan jalan raya
- Melahirkan ahli falsafah dan sejarawan yang menulis tentang kegemilangan Rom
- Pendidikan Rom banyak mengambil dan menyerap unsur dari Yunani

**(e) Mengapakah sistem pendidikan di negara kita bermatlamat melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek?**

- Membentuk masyarakat yang kreatif dan inovatif
- Masyarakat yang berminda kelas pertama
- Generasi yang utuh dan berpersonaliti
- Masyarakat yang berkemahiran
- Masyarakat yang sihat dan cergas
- Masyarakat yang penyayang
- Masyarakat bersatu
- Masyarakat yang hidup sejahtera
- Masyarakat yang global

**6 Jadual berikut menunjukkan tokoh yang terlibat dalam perluasan kuasa negara dalam peningkatan tamadun manusia.**

Tamadun	Tokoh	Wilayah
Yunani	X	Parsi, Mesir, Turkistan, Samarkand
Rom	Y	Britain, Sepanyol, Afrika Utara, Macedonia, Turki, Palestin
India	Chandragupta Maurya,	India Utara, Punjab, Seleucid, Mysore,

	Bindusara, Asoka	Kalinga
China	Shih Huang Ti	Menyatukan seluruh China

**(a) Namakan tokoh perluasan kuasa berikut.**

- X – Philip II / Alexander the Great
- Y – Augustus Caesar

**(b) Apakah kesan perluasan kuasa Yunani?**

- Penyebaran kebudayaan Hellenistik, iaitu campuran kebudayaan Yunani, Parsi dan kebudayaan timur yang lain ke empayar Yunani
- Menyatukan seluruh Macedonia dan Yunani
- Menakluk Parsi, Mesir, Turkistann dan Samarkand

**(c) Bagaimanakah perluasan kuasa tamadun India dilaksanakan?**

- Menggunakan ketenteraan semasa pemerintahan Dinasti Maurya
- Terdiri daripada 600 ekoor gajah, 1000 orang tentera berkuda dan 10000 orang infrantri
- Asoka tidak menekankan kekuatan tentera
- Menekankan perdamaian serta dasar lebih lembut dan terbuka
- Melalui penyebaran agama Buddha

**(d) Apakah tindakan Shih Huang Ti untuk menyatukan seluruh China?**

- Memerintah seccara autokratik, iaitu tegas dan mutlak
- Menghapuskan kuasa golongan bangsawan
- Melantik gabenor dan panglima tentera untuk mentadbir
- Membina Tembok Besar China (TBC) bagi mempertahankan empayar China daripada serangan orang gasar

**(e) Mengapakah tindakan perluasan kuasa tidak dibenarkan pada masa kini?**

- Menghormati kedaulatan negara lain
- Melanggar hak asasi manusia
- Kemusnahan harta benda
- Mematuhi piagam PBB
- Mengelakkan kematian
- Mengelakkan kemusnahan alam
- Mengelakkan persaingan senjata
- Menjamin keamanan sejagat
- Mewujudkan kesejahteraan hidup

**7 Pendidikan membantu manusia meningkatkan tahap intelek yang seterusnya membawa kepada peningkatan dalam bidang-bidang lain di Yunani, Rom, India dan China.**

**(a) Senaraikan ciri-ciri sistem pendidikan di India.**

- Agama Hindu menjadi teras pendidikan
- Didominasi oleh kaum lelaki
- Golongan wanita tidak mempunyai peluang untuk menimba ilmu pengetahuan
- Pembelajaran kitab-kitab Veda dan bahasa Sanskrit merupakan medium pengajaran yang penting
- Kaedah hafalan ialah cara untuk mendalami kitab-kitab Veda tersebut
- Pendidikan berteraskan agama Hindu dan Buddha adalah untuk menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati
- Mempelajari hukum agama dan nilai-nilai murni untuk hidup sempurna
- Pendidikan tinggi diberikan di Kolej Brahman
- Sebelum itu, pendidikan diberikan di istana dan di rumah
- Lahir universiti agama Buddha, iaitu Nalanda
- Untuk menjadi Brahmin yang berpendidikan, seseorang itu perlu menghafal ritual, mantra dan lagu-lagu agama
- Mereka harus mempelajari karya saintifik dan falsafah
- Pendidikan bertujuan untuk meningkatkan ilmu sains, menambahkan ilmu, mengatasi buta huruf dan mendapatkan jawatan dalam pemerintahan

**8 (a) Nyatakan ciri-ciri falsafah tokoh Yunani berikut.**

**(i) Socrates**

- Perbincangan melalui kaedah soal jawab
- Berusaha mencari unsur-unsur dalam kehidupan
- Unsur masyarakat bahagia
- Persoalan tentang manusia dan masyarakat

**(ii) Plato**

- Masyarakat yang sempurna merupakan masyarakat yang diperintah oleh ahli falsafah
- Mengasaskan akademi falsafah di Athens
- Karyanya ialah *Republic*
- Memberikan maklumat mengenai falsafah Socrates dalam tulisannya

**(iii) Aristotle**

- Mendalami bidang sains dan falsafah



- Hasil penerbitannya mengandungi ilmu logik, metafizik, etika, politik, fizik, sains tabii, astronomi dan geologi

**(iv) Thucydides**

- Pengasas sejarah saintifik
- Menggunakan pendekatan penulisan sejarah melalui penyelidikan
- Karyanya yang terkenal ialah *History of the Peloponnesian War*

**(b) Apakah keistimewaan falsafah Stoisisme dari Yunani yang diamalkan di Rom?**

- Mengaitkan kebahagiaan hidup manusia bergantung kepada hubungan dengan alam
- Menekankan keadilan, tanggungjawab, keberanian dan perikemanusiaan
- Mengajar manusia berfikir secara rasional dan mengamalkan sikap ingin tahu

**(c) Bagaimanakah falsafah China boleh menjadi panduan hidup manusia hari ini?**

- Menekankan hubungan baik antara manusia dengan manusia lain
- Confucianisme menekankan keperimananusiaan, maruah diri, kesopanan dan kesusilaan
- Mo Tzu berpendapat akhlak manusia kerana pengaruh alam sekitar
- Mo Tzu memikirkan cara melahirkan masyarakat dan politik yang baik
- Falsafah legalisme percaya hanya undang-undang dapat membentuk nilai baik masyarakat

**(d) Bagaimanakah falsafah hidup membantu anda menjadi seorang yang berjaya?**

- Panduan untuk mencapai matlamat
- Mendisiplinkan diri
- Ciri-ciri hidup yang berprinsip
- Menjadi pegangan hidup
- Menunjukkan kematangan berfikir
- Tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain

**9 (a) Senaraikan sumbangan sains dan teknologi tamadun Yunani.**

- Tokoh matematik, iaitu Thales
- Mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba
- Phytagoras (580 – 500 S.M.) memperkenalkan Teorem Phytagoras
- Mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba dan Babylon
- Mengasaskan gerakan saintifik dan bergelar *Pythagorean*
- Hippocrates (460 – 377 S.M.) terkenal sebagai Bapa Perubatan
- Dikaitkan dengan profesion perubatan moden iaitu Sumpah Hippocrates

- Pakar dalam bidang anatomi
- Archimedes terkenal sebagai ahli matematik dan fizik
- Memperkenalkan teori berhubung isi padu dan graviti
- Ptolemy merupakan tokoh utama astronomi Yunani
- Sistem angka, iaitu *herodianic* dan *ionic*
- Penciptaan layar perahu yang lebih kuat dan besar telah meningkatkan ilmu pelayaran

**(b) Nyatakan ciptaan sains dan teknologi tamadun China.**

- Konsep *Yin* (kuasa pasif) dan *Yang* (kuasa aktif) menjadi asas perubatan tradisional
- Penciptaan kertas daripada pulpa oleh Chai Lun, pegawai di istana raja China
- Penciptaan layar lebih kuat dan perahu lebih besar
- Mencipta tenggala untuk membuat batas
- Penciptaan kolar kuda bagi menarik tenggala kayu, kereta kuda, kereta sorong beroda dan penyisir tanah
- Sistem tanaman bergilir untuk mengekalkan kesuburan tanah
- Kawasan berbukit diteres untuk pertanian
- Sistem pengairan seperti terusan untuk membekalkan air ke kawasan pertanian dan mengawal banjir

**(c) Nyatakan perkembangan sains dan teknologi Tamadun India.**

- Cabang kepada pengetahuan Veda
- Pengetahuan astronomi daripada *Rig Veda*
- Ilmu matematik berkembang pesat pada Zaman Gupta
- Ahli matematik India memperkenalkan sistem nombor, iaitu angka Brahmin dan angka Kharosti
- Angka Brahmin dibaca dari kiri ke kanan
- Angka Kharosti ialah tulisan zaman pemerintahan Asoka
- Perkembangan ilmu perubatan, iaitu fisiologi yang berkait rapat dengan yoga
- Peningkatan ilmu pelayaran dengan penciptaan layar yang lebih kuat dengan perahu yang lebih besar

**(d) Bagaimanakah anda menyahut cabaran keenam Wawasan 2020, iaitu masyarakat yang maju dan bersaintifik?**

- Penguasaan ilmu pengetahuan
- Budaya ilmu menjana produktiviti
- Amalan kreatif

- Budaya inovatif
- Menggunakan teknologi terkini
- Menguasai kemahiran ICT

**10 Tembok Besar China menjadi simbol kemajuan seni bina tamadun China.**

**(a) Terangkan ciri-ciri seni bina tamadun China kepada peradaban dunia.**

- **Tembok Besar China**
- Oleh Dinasti Chou sepanjang 1500 batu dari Kansu ke Peking
- Bandar-bandar seperti Anyang, changan, Loyang dan Peking dibina dengan rekaan yang mempunyai tembok batu
- Tembok di kawasan bandar lain dibina daripada tanah liat dan batu bata
- Di kampung pula, tembok dibina daripada tanah lumpur
- Setiap tembok terdapat pintu gerbang
- Dikelilingi oleh parit besar dan menara
- Dalam tembok menempatkan istana maharaj seperti Kota Larangan
- Istana ini mempunyai banyak dewan dan taman
- **Binaan kuil**
- Terdiri daripada beberapa buah bangunan
- Merangkumi tempat tinggal, ruang tetamu dan pusat pemujaan
- **Pagoda**
- Mempunyai ketinggian sehingga 15 tingkat
- Berbentuk oktagon
- Atau segi empat sama
- **Pelbagai binaan lain**
- Pelbagai jenis pintu gerbang
- Pelbagai jambatan dan tembok
- Peningkatan dalam seni ukir

11 Senarai berikut menunjukkan tamadun yang menyumbang kepada warisan peradaban dunia.

- Tamadun Yunani
- Tamadun Rom

(a) **Jelaskan sumbangan tamadun tersebut dalam aspek pentadbiran.**

- Tamadun Yunani telah mewariskan sistem pemerintahan demokrasi
- Rakyat terlibat dalam membuat keputusan politik
- Rakyat terlibat dalam membentuk kerajaan
- Kerajaan demokrasi disifatkan sebagai kerajaan rakyat
- Diamalkan di kebanyakan negara di dunia, namun berbez dari segi amalannya. Contohnya di Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
- Kerajaan Rom mewariskan sistem Republik
- Dikuasai oleh dua konsul yang bertujuan untuk mengimbangi kuasa
- Konsul dibantu oleh Dewan Senat
- Dewan Senat dibantu oleh Dewan Perhimpunan yang diwakili oleh rakyat
- Diamalkan di India, Perancis dan Afrika Selatan
- Mengandungi unsur demokrasi kerana rakyatnya memilih ketua negara iaitu presiden

(b) **Nyatakan sumbangan tamadun tersebut dalam bidang berikut.**

(i) **Sains dan teknologi**

- Teknologi pembinaan *aqueductt, colloseum, pentheon*, Tembok Besar China, Stupa Besar di Sanchi, candi dan pagoda merupakan warisan yang dikagumi
- Sains dan teknologi dalam bidang matematik, astronomi, fizik, perubatan dan seni bina
- Teori matematik seperti Teorem Phytagoras dan Teori Archimides masih diguma pakai
- Tamadun China mewariskan teknologi membuat kertas dan tembikar
- Mewariskan sistem kalendar
- Memepkenalkan tenggala, batas tanaman, kolar kuda, sistem pengairan, sistem penanaman bergilir dan pertanian teres. Perubatan tradisional China dan fisiologi India

(ii) **Aspek sosial**

- Mewariskan agama Hindu, agama Buddha, Confucianisme dan Taoisme yang masih diamalkan hingga kini.
- Ilmu falsafah seperti legalisme, stoisisme, sertas ahli falsafah seperti Aristotle, Socrates dan Plato masih dijadikan rujukan oleh ahli falsafah moden
- Hasil sastera seperti *Iliad, Odyssey, Mahabrata* dan *Ramayana* dijadikan rujukan

- Tamadun China meninggalkan rekod sejarah dalam bentuk ensiklopedia, kisah perjalanan dan maklumat geografi untuk dijadikan sebagai sumber sejarah
- Bahasa Latin merupakan bahasa agama dan kesusasteraan
- Bahasa Sanskrit untuk agama Hindu dan Buddha
- Sistem pendidikan diteruskan dan diubahsuai
- Sukan Olimpik diperkenalkan oleh Tamadun Yunani (776 S.M.)
- Pertandingan diadakan di Olympia
- Pertandingan antara negara kota dibuat empat tahun sekali
- Untuk memperingati Tuhan Zeus
- Negara kota yang bersaing ialah Athens, Sparta, Corinth, Thebes, Olympia dan Argos
- Perbezaan antara Sukan Olimpik asal dengan Sukan Olimpik moden ialah bilangan peserta, tujuan organisasi dan bilangan acara.

**(c) Apakah ciri-ciri masyarakat yang menyumbang kepada kekilangan sesebuah tamadun?**

- Masyarakat berfikiran kreatif
- Berfikiran terbuka
- Mementingkan pendidikan
- Bersifat daya saing
- Berfikiran futuristik
- Bersemangat patriotik
- Hidup bersatu padu
- Bersifat gigih, dinamik dan sabar
- Berkepimpinan wibawa
- Berani menanggung risiko

---

### **Bab 3**

**1 Kerajaan maritim terletak di Kepulauan Melayu.**

**a) Senaraikan jenis pelabuhan yang wujud dalam kerajaan maritim**

- Pelabuhan pembekal
- Pelabuhan kerajaan
- Pelabuhan entrepot

**b) Nyatakan ciri-ciri kerajaan maritim**

- Kerajaan maritim terletak di lembah sungai, pesisir pantai dan di kepulauan

- Kerajaan maritim menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan keautan
- Berfungsi sebagai pelabuhan
  - Terdapat kemudahan pelabuhan seperti gudang, tempat tinggal, dan membaiki kapal
  - Kemudahan strategik di laluan perdagangan
  - Mampu belayar dan berdagang ke kawasan yang jauh
  - Mahir membuat perahu dan kapal layar
  - Menjadi tempat persinggahan kapal antara India dan China
  - Terdapat barangan untuk perdagangan antarabangsa yang dibekalkan oleh wilayah taklukannya

**c) Apakah faktor perkembangan sebuah kerajaan maritim?**

- Orang Melayu meruoakan pelaut, pedagang dan peneroka erulung di Asia Tenggara
- Pelabuhan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti gudang, tempat tinggal, dan membaiki kapal
- Semangat masyarakat untuk meneroka dan berdagang dengan masyarakat luar
- Mampu belayar dan berdagang ke kawasan yang jauh kerana mahir membuat perahu dan kapal layar
- Startegik kerana kedudukannya di laluan perdagangan di antara China dan India
- Fungsi tentera laut untuk mengawal keselamatan kerajaan
- Menjadi tempat persinggahan kapal di antara India dengan China
- Terdapat barangan untuk perdagangan antarabangsa yang dibekalkan oleh wilayah taklukannya
- Terlindung daripada tiupan angin monsun barat daya dan timur laut
- Kekayaan hasil hutan seperti damar dan rotan

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Srivijaya</li> </ul> |
|---|

**2 Maklumat di atas menunjukkan kerajaan maritim di Asia Tenggara.**

**(a) Nyatakan ciri-ciri kerajaan maritim.**

- Kerajaan maritim terletak di lembah sungai, pesisir pantai dan di kepulauan
- Contoh Langkasuka (Sungai Yarang), Kataha/Chieh-cha/Kedah Tua (Sungai Merbok dan Sungai Muda), Chih-tu (Sungai Kelantan), Srivijaya (Sungai Musi)
- Kerajaan maritim menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan kelautan
- Berfungsi sebagai pelabuhan
- Terdapat kemudahan pelabuhan seperti gudang, tempat tinggal dan membaiki kapal
- Terletak strategik di laluan perdagangan
- Mampu belayar dan berdagang ke kawasan yang jauh
- Mahir membuat perahu dan kapal layar

- Menjadi tempat persinggahan kapal antara India dan China
- Terdapat barangan untuk perdagangan antarabangsa yang dibekalkan oleh wilayah taklukannya
- Penduduk mahir belayar dan membuat kapal

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Angkor</li> <li>• Srivijaya</li> </ul> |
|---|

**3 Senarai di atas menunjukkan kerajaan yang menerima pengaruh Hindu-Buddha. Bincangkan pengaruh tersebut dari aspek:**

**(a) Bahasa Sanskrit**

- Meningkatkan pencapaian intelek masyarakat
- Batu bersurat Kutei menjelaskan tentang keturunan raja
- Batu bersurat Sungai Mas (Kedah Tua) berkaitan dengan agama Buddha
- Inskripsi di Palembang berkaitan dengan pemerintahan dan amaran raja kepada rakyat dan pembesar agar tidak menderhaka kepada raja
- Batu bersurat di Lembah Bujang menunjukkan arahan dan pemberitahuan yang ditujukan oleh pemerintah kepada rakyat
- Peranan bahasa Sanskrit dalam sastera
- Menjadi bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan di Asia Tenggara

**(b) Kesusasteraan**

- Peranan bahasa Sanskrit dalam kitab Hindu dan Buddha
- Kesusasteraan India seperti epik *Ramayana* dan *Mahabharata* serta *Puranas* menyumbang kepada unsur mitos dalam kesusasteraan klasik Asia Tenggara
- Dalam puisi dan prosa Jawa seperti *Nagarakertagam*, *Sutamosa*, *Arjunwiwaha* dan *Kunjarkana*
- Cerita-cerita epik *Ramayana* dan *Mahabharata* terdedah melalui kesusasteraannya, penceritaan lisan dan teater seperti wayang kulit
- Daripada Mahabrata lahir hikayat seperti *Hikayat Pendawa Lima*, *Hikayat Pendawa Jaya* dan *Hikayat Sang Samba*
- Daripada epik *Ramayana* pula lahir *Hikayat Seri Rama*

**4 Jadual di bawah menunjukkan bukti kemasukan pengaruh Hindu-Buddha di Asia Tenggara.**

Kerajaan	Bukti
----------	-------

Kedah Tua	Candi Lembah Bujang
Angkor	Angkor Wat
Jawa	Candi Borobudur

**(a) Nyatakan cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara.**

- Dibawa oleh golongan Ksatria atau tentera, iaitu golongan penakluk dari India yang menakluk Asia Tenggara
- Dibawa oleh pedagang atau vaisya
- Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta
- Pengambilan, aspek kebudayaan India yang menarik dan disesuaikan dengan budaya tempatan seperti:
- Jumpaan seni arca yang kasar yang mempunyai ciri langgam India di Srivijaya
- Pengambilan aspek budaya dari India berbeza mengikut pemerintah
- Kedah Tua menerima pengaruh Buddha tetapi di Dieng (Indonesia), menerima Hindu
- Kerajaan di Takuapa menganut agama Hindu mazhab Vishnu tetapi Sumatera dan Jawa menganut agama Buddha Mahayana

**5 Candi Borobudur dan Angkor Wat menjadi bukti pengaruh Hindu-Buddha dalam seni bina di Asia Tenggara.**

**(a) Senaraikan peranan candi.**

- Monumen keagamaan bagi agama Hindu dan Buddha
- Sebagai rumah ibadat
- Tempat penyimpanan abu jenazah raja dan keluarganya
- Tempat menyimpan patung dewa uatam
- Lambang keagungan pemerintah berdasarkan kehebatan seni binanya
- Angkor Wat dan Candi Borobudur melambangkan orde kosmos

**(b) Senaraikan pengaruh Hindu dalam seni bina Angkor Wat.**

- Dibina untuk agama Hindu
- Melambangkan orde kosmos
- Mempunyai tempat pemujaan
- Setiap sudutnya mempunyai menara
- Bahagian luar terdapat tembok yang dibina daripada batuan laterit dan batu pasir
- Terdapat ukiran yang menggambarkan epik *Ramayana* dan *Mahabharata*

**(c) Nyatakan pengaruh Buddha pada binaan Candi Borobudur.**



- Mewakili agama Buddha Mahayana
- Terbahagi kepada tiga tingkat
- Setiap tingkat melambangkan satu tahap kehidupan yang diwakili oleh patung stupa dan patung Buddha
- Tingkat pertama terdapat ukiran cerita kehidupan Gautama Buddha
- Tiga tingkat melambangkan tiga tahap kehidupan iaitu *sila*, *samadhi* dan *panna*
- Bahagian paling atas dianggap sebagai tertinggi dan lambang pencapaian tahap nirwana
- Tahap manusia membebaskan dirinya daripada nafsu

## 6 Terangkan ciri-ciri kerajaan Agraria.

- **Pertanian**

- Kerajaan agraria menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian, peternakan, dan pemungutan hasil hutan dan sungai.
- Tanaman utama adalah padi sawah
- Padi huma ditanam di tanah tinggi dan bukit dengan membina teres dan relung
- Tanaman lain ialah keledak, jagung, pisang dan sayur-sayuran
- Ternakan lembu, ayam, kerbau dan kambing
- Hasil hutan seperti kayu gaharu, kapur barus, gading dan damar
- Sarang burung dari gua
- Menangkap ikan di sungai, sawah dan paya
- Mendapatkan kulit kura-kura
- Lebihan tanaman dan ternakan dipasarkan ke bandar dan kerajaan maritim

- **Sungai**

- Terletak di lembah sungai
- Kerajaan Dvaravati di Sungai Menam (Thailand)
- Kerajaan Sungai Merah (Vietnam)
- Kerajaan Sungai Mekong (Vietnam, Kemboja dan Laos)

- **Pedalaman**

- Terletak di kawasan pedalaman seperti bukit dan lereng gunung berapi
- Kerajaan Taruma (Indonesia)

- **Pengairan**

- Sistem pengairan yang baik

- Di Angkor, *baray* dibina untuk mengairi sawah padi
- Dibina oleh raja
- Tanah yang subur
- Mendapan lumpur di Tonle Sap
- Akibat banjir
- Luas

**7 Nyatakan cara kedatangan pengaruh Hindu-Buddha ke Asia Tenggara.**

- Dibawa oleh Ksyatria atau tentera yang menakluk Asia Tenggara
- Dibawa oleh pedagang atau vaisya
- Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta
- Pengambilan aspek kebudayaan India yang menarik dan disesuaikan dengan budaya tempatan
- Jumpaan seni arca yang mempunyai ciri langgam India di Srivijaya
- Pengambilan aspek budaya dari India berbeza mengikut pemerintah
- Kedah Tua menerima pengaruh Buddha tetapi di Dieng (Indonesia), menerima pengaruh Hindu
- Kerajaan di Takuapa menganut agama Hindu mazhab Vishnu tetapi agama yang diamalkan di Sumatera dan Jawa ialah Buddha Mahayana

**8 Jadual berikut menunjukkan pengaruh Hindu-Buddha dalam bahasa di Asia Tenggara.**

Bahasa Sanskrit	Bahasa Melayu
Dosa	Dosa
Dukkha	Duka
Rupa	Rupa

**(a) Nyatakan cara kedatangan pengaruh Hindu-Buddha ke Asia Tenggara.**

- Pengaruh Hindu dibawa oleh Ksyatria atau tentera yang menakluk Asia Tenggara
- Dibawa oleh pedagang atau vaisya
- Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta
- Pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang menarik
- Disesuaikan dengan budaya tempatan untuk diamalkan seperti aspek pemerintahan, kesenian dan kesusasteraan
- Pengambilan aspek-aspek kebudayaan India berbeza mengikut pemerintah
- Kedah Tua menerima pengaruh Buddha tetapi di Dieng (Indonesia) menerima pengaruh Hindu
- Kerajaan di Takuapa dan di Pulau Bangka menganut agama Hindu mazhab Vishnu sementara di Sumatera dan Jawa mengamalkan agama Buddha Mahayana

**(b) Terangkan pengaruh Hindu-Buddha dalam sistem pemerintahan.**

- **Sistem beraja**
  - Raja berada di puncak pemerintahan
  - Di bawahnya terdapat kerabat diraja
  - Diikuti pembesar dan ahli agama iaitu Brahmin
  - Diikuti rakyat daripada pelbagai golongan
  - Hamba ialah lapisan paling bawah
  - **Raja berkuasa mutlak**
  - Dalam pentadbiran, hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara
  - Perintah raja menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan
  - Melanggar perintah raja bermakna menderhaka dan tidak akan diampunkan
  - Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah
  - **Raja merupakan bayangan Tuhan**
  - Lahir konsep dewa-raja
  - Raja tuhan atau dewa raja dipercayai mempunyai kesaktian
  - Lahirlah unsur mitos dan legenda tentang asal-usul raja
  - Untuk memperkukuh kedudukan dan status raja sebagai pemerintah
  - **Kedaulatan raja**
  - Diwujudkan pelbagai adat istiadat seperti pertabalan raja
  - Upacara pertabalan dipimpin oleh golongan Brahmin
  - Bertujuan untuk membezakan kedudukan raja daripada golongan yang diperintah
  - **Pusat alam**
  - Mendirikan kompleks kota
  - Melambangkan konsep alam semesta
  - Dikenali dengan nama orde kosmos
  - Raja dan ibu kotanya ialah pusat alam dan pusat pemerintahan
  - Raja bertanggungjawab untuk mengatur kesejahteraan negara dan rakyat selaras dengan Dharma
-

## Bab 5



### 1 Rajah di atas berkaitan dengan pembukaan semula Kota Makkah.

#### (a) Apakah tujuan rombongan orang Islam ke Makkah pada tahun 628M?

- Orang Islam bercadang untuk menziarahi Kota Makkah
- Makkah penting kerana Kaabah menjadi pusat ibadat umat Islam
- Makkah tempat turunnya wahyu pertama
- Orang Islam ingin menunaikan umrah
- Makkah merupakan tempat asal

#### (b) Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. memilih Uthman bin Affan sebagai utusan ke Makkah?

- Uthman mempunyai ramai saudara mara di Makkah
- Uthman merupakan sahabat yang matang
  - Tua berbanding umat yang lain
  - Bersifat lemah lembut dan bertolak ansur
  - Untuk menerangkan tujuan sebenar kedatangan orang Islam Madinah ke Makkah, iaitu mengerjakan umrah


#### (c) Senaraikan tiga peristiwa yang menyebabkan Perjanjian Hudaibiyah dimeterai.

- Kedatangan orang Islam telah disekat oleh orang Arab Quraisy di Hudaibiyah
- Orang Arab bertindak demikian kerana berasa tercabar dan bimbang akan kekuatan umat Islam
- Orang Islam telah mengutuskan Uthman bin Affan untuk menerangkan tujuan sebenar kedatangan mereka
- Orang Islam telah mendengar khabar angin tentang kematian Uthman bin Affan lalu bersumpah setia dengan Bai'ah al-Ridwan untuk menuntut bela
- Orang Quraisy berasa dengan ikrar dan sumpah setia (bai'ah al Ridwan) lalu menghantar Suhail bin Amru untuk berunding dengan Nabi Muhammad s.a.w.
- Nabi Muhammad s.a.w. bersedia mengadakan perjanjian
- Setelah kata sepakat dicapai maka termeterailah Perjanjian Hudaibiyah

#### (d) Nyatakan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah.

- Berpeluang menunaikan haji pada tahun berikutnya
- Memberikan kebebasan orang Islam memasuki Makkah dan beribadat di kaabah pada bila-bila masa
- Tempoh perdamaian membolehkan baginda merangka program dakwah seluruh Semenanjung Tanah Arab secara aman


- Perjanjian membenarkan suku Arab menganut sebarang agama dan membolehkan Islam dapat berkembang dengan meluas
- Menggambarkan bahawa Islam tersebar dengan aman
- Pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy iaitu Khalid bin al-Walid, Amru bin al-As dan Uthman bin Talhah
- Melambangkan ketokohan baginda sebagai pemimpin yang unggul dan dikagumi
- Tindakan baginda dilakukan tidak terburu-buru
- Melihatnya secara menyeluruh, terperinci dan berwawasan
- Perjanjian menunjukkan pengiktirafan kerajaan Islam di Madinah



**2 Carta masa di atas menunjukkan peristiwa yang membawa kepada pembukaan semula Kota Makkah pada tahun 630M.**

**(a) Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. mengambil tindakan tersebut?**

- Pihak Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah
- Mereka tidak menghormati hak kebebasan yang dipersetujui bersama
- Membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah yang berpihak kepada Islam
- Strategi jangka panjang bagi meneruskan penyebaran Islam
- Jika Makkah dapat dikuasai, kedudukan kerajaan Islam di Madinah akan menjadi mantap



**3 Rajah di atas menunjukkan peristiwa yang membawa kepada penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah.**

**(a) Senaraikan syarat Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua.**

- Perjanjian Aqabah Pertama antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan orang Arab Madinah
- Suku Aus dan Khazraj hendaklah beriman kepada Allah dan Rasul
- Berjanji akan membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.
- Tidak akan melakukan amalan jahiliah seperti mencuri, meminum arak, dan membunuh bayi perempuan
- Suku Aus dan Khazraj menandatangani Perjanjian aqabah Kedua (622M)
- Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam
- Mengukuhkan lagi taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- Menjemput Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam di Makkah berhijrah ke Madinah
- Secara sukarela menyediakan tempat tinggal
- Menjanjikan keselamatan untuk baginda dan orang Islam Makkah
- Menyatakan kesediaan mempertahankan Islam

**(b) Mengapakah penduduk Madinah menjemput Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah?**

- Suku Aus dan Khazraj di Madinah sering bertelagah sesama sendiri
- Ekonomi dikuasai oleh orang Yahudi
- Orang Arab Madinah memerlukan pemimpin yang berkaliber seperti nabi
- Baginda diperlukan untuk mendamaikan masyarakat madinah yang sentiasa bermusuhan
- Menerima ajaran Islam

**(c) Bincangkan kepentingan hijrah umat Islam ke Madinah.**

- Hijrah adalah peningkatan tamadun masyarakat Arab dan Islam


- Dakwah Islamiah dilaksanakan dengan aman tanpa selindung
- Baginda berpeluang untuk mendamaikan suku Arab di Madinah yang sering bersengketa melalui semangat persaudaraan sesama Islam
- Menjalinkan perhubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah
- Sikap orang Islam Madinah menyebabkan orang islam makkah yang berhijrah tidak berasa asing dan rendah diri
- Menyatukan golongan yang berbeza dari segi kedudukan ekonomi dan sosial
- Baginda memberikan gelaran Muhajirin kepada orang Islam makkah yang berhijrah dan Ansar kepada orang Islam Madinah yang memberi bantuan
- Hijrah menyatupadukan penduduk Madinah yang pelbagai suku, budaya dan agama
- Melahirkan kehidupan harmoni di Makkah
- Baginda membina masjid al-Nabawi di Madinah
- Masjid yang pertama dibina ialah Masjid Quba'
- Masjid menjadi tempat beribadat, belajar, bertemu dan membincangkan masalah orang Islam
- Persekitaran masjid diadakan aktiviti harian seperti berjual beli

Orientalis Barat mentaksirkan hijrah sebagai pelarian

#### 4 Pernyataan di atas menerangkan konsep hijrah bagi orientalis Barat.

##### (a) Terangkan konsep hijrah dari sudut Islam.

- Hijrah ialah perkataan Arab bermaksud berpindah
- Dalam konteks tamadun Islam, hijrah bermaksud perpindahan orang Islam dari Kota Makkah ke Madinah untuk memperkukuhkan kedudukan Islam
- Strategi baru untuk menyebarkan Islam
- Pengertian yang lebih luas, iaitu perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan meninggalkan keburukan dan kejahatan
- Hijrah dilambangkan dengan ingin berubah dari segi sikap, cara berfikir dan tingkah laku



**5 Rajah di atas menggambarkan Piagam Madinah dianggap menyeluruh dan mengambil kira kepentingan semua pihak.**

**(a) Perihalkan mengenai pengubalan Piagam Madinah.**

- Piagam Madinah atau Sahifah Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama digubal di dunia
- Dirangka oleh Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun 622M.
- Berpandukan wahyu Allah
- Menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam dan bukan Islam
- Mencatatkan tentang peraturan, tanggungjawab ketua negara dan rakyatnya
- Dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan orang bukan Islam
- Mengandungi 47 fasal
- 23 fasal membincangkan hubungan dalam kalangan orang Islam dan tanggungjawab mereka
- 24 fasal lagi mengenai tanggungjawab orang bukan Islam termasuk Yahudi terhadap negara Madinah

**(b) Bincangkan kepentingan Piagam Madinah.**

- Model kerajaan Islam yang unggul
- Panduan menjalankan pemerintahan yang berasaskan Islam
- Dilengkapi perlembagaan yang diterima pakai oleh semua masyarakat
- Unsur-unsur Islam boleh dipraktikkan dalam sesebuah negara yang berbilang bangsa dan agama
- Mengatur pemerintahan yang lengkap, iaitu dunia dan akhirat
- **Ekonomi**
- Amalan riba, penipuan, rasuah dan penindasan tidak dibenarkan
- Sifat bertimbang rasa dan amalan bersedekah digalakkan
- Mementingkan keadilan dan ketelusan dalam perniagaan
- Ekonomi di Madinah mula meningkat
- **Masyarakat**
- Masyarakat yang hidup bersatu padu dan aman
- Nilai hidup berasaskan semangat ukhuwah Islamiah
- Taraf dan kedudukan rakyat adalah sama
- Konsep keadilan sosial dipraktikkan
- Menekankan persamaan hak dan persaudaraan Islam



- Tiada lagi perbezaan taraf dalam kalangan masyarakat
- **Perundangan**
- Mempunyai undang-undang yang lengkap dan sempurna
- Syariah Islam adalah adil
- **Pembentukan**
- Baginda menyusun perlembagaan negara terlebih dahulu sebelum mengasaskan sebuah kerajaan
- Masyarakat Madinah diikat dahulu dengan perjanjian lengkap sebelum bernaung di bawah sebuah pemerintahan
- Sistem pemerintahan yang meletakkan Allah sebagai kuasa yang tinggi
- **Tanggungjawab**
- Menyusun kehidupan masyarakat yang sistematik
- Setiap kaum terikat dengan undang-undang yang digariskan
- Orang Yahudi tidak boleh menindas kaum Arab lain
- Kesemua bangsa ada hak dalam negara Madinah
- Harus mematuhi peraturan dan cara hidup yang menjadi panduan masyarakat

Perang	Tahun Hijrah
Badar	2
Uhud	3
X	5
Y	8

**6 Jadual di atas menunjukkan peperangan ketika pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah**

**(a) Nyatakan perang X dan Y**

- X – Perang Khandak
- Y – Perang Tabuk

**(b) Apakah tindakan Rasulullah terhadap tawanan Perang Badar?**

- Mengampunkan tawanan Arab Quraisy
- Tawanan wanita dan kanak-kanak telah dibebaskan
- Tawanan lelaki diberikan syarat untuk membebaskan diri
  - Mengajar 10 orang kanak-kanak Islam membaca dan menulis sehingga pandai

**(c) Nyatakan garis panduan yang mesti dipatuhi oleh orang Islam dalam peperangan.**

- Tidak dibenarkan membunuh orang yang lemah seperti orang tua, kanak-kanak, wanita, orang sakit dan orang yang menyerah diri
- Tidak dibenarkan membunuh binatang ternakan
- Tidak dibenarkan memusnahkan tanam-tanaman
- Dilarang menceroboh tempat ibadat
- Jika musuh Islam inginkan perdamaian, maka orang Islam harus memilih perdamaian


**(d) Mengapakah peperangan dibenarkan dalam Islam?**

- Bertujuan untuk mempertahankan meruah diri, agama dan negara
- Apabila diserang musuh
- Mencari keamanan supaya tempat ibadat terjaga

**(e) Berikan hujah yang membuktikan Islam tidak disebarikan melalui peperangan.**

- **Tiada paksaan**
- **Menggunakan diplomasi**
- **Menunjukkan nilai-nilai baik**
- **Mewujudkan persefahaman dengan wilayah**
- **Menghantar perutusan ke Rom, Parsi, Mesir, Habsyah dan wilayah di sekitar Semenanjung Tanah Arab**

**Bab 6**



**1 Rajah di atas menunjukkan penubuhan pentadbiran negara Islam selepas Nabi Muhammad s.a.w. wafat pada tahun 632..**

**(a) Nyatakan maksud khalifah.**

- Dalam bahasa Arab bererti pengganti (kata jamaknya, *khulafa*)
- Pengganti bermaksud melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran kerajaan yang sebelumnya dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
- Dalam konteks agama, khalifah bermaksud tanggungjawab memelihara kemurnian agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan juga tanggungjawab mengekalkan keharmonian serta kestabilan umat Islam

Tahap	Tahun	Pengasas
Pertama	661 – 750M	Muawiyah bin Abu Sufyan

Kedua	756 - 1031M	Abdul Rahman al-Dakhil
-------	-------------	------------------------

## 2 Jadual di atas berkaitan dengan kerajaan Bani Umayyah.

### (a) Bincangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah pada tahap pertama.

- **Politik**
- Empat aspek dalam sistem pentadbiran Bani Umayyah
- Pertama sistem khalifah, iaitu perlantikan khalifah sebagai ketua pemerintah
- Kedua sistem wazarah, iaitu perlantikan wazir untuk mengetuai kerajaan pusat
- Gabenor dilantik untuk mengetuai pentadbiran wilayah
- Ketiga, sistem urusetia
- Sistem urusetia membahagikan urusan pentadbiran kepada beberapa bahagian, iaitu bahagian surat menyurat, bahagian cukai, bahagian ketenteraan, bahagian polis dan bahagian kehakiman
- Keempat sistem hijabah, melalui sistem ini seseorang pegawai ditugaskan memeriksa orang yang mahu menemui khalifah, mengawal keselamatan khalifah dan pemegang amanah
- Penubuhan empat jabatan, iaitu Jabatan Cukai, Jabatan Surat-Menyurat, Jabatan Urusan Am, dan Jabatan Urusan Cap Mohor Pemerintah
- **Pertahanan**
- Sistem ketenteraan telah diperkemaskan
- *Diwanul Jundi* (Jabatan Ketenteraan) ditubuhkan untuk pertahanan negara
- Penubuhan angkatan tentera darat dan laut
- Perkembangan pengetahuan
- Lahirlah ilmuan seperti:
- Khalil ibn Ahmad (pakar bahasa dan filologi Arab)
- Sibawayhi (ahli nahu Arab)
- Bahasa Arab dijadikan bahasa rasmi negara
- Tokoh ilmuan terkenal:
- Urwah bin al-Zubayr dan Ibn Zihat al-Zuhri (hadis)
- Ibn Jarir (tafsir al-Quran)
- Hasan al Basri dan Wasil ibn Ata (usuluddin)
- Bidang kimia dan astronomi juga turut berkembang
- **Kesihatan**
- Taraf kesihatan diberi perhatian
- Pembinaan hospital di Damsyik oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik

- Hospital penyakit kusta telah dibina oleh Khalifah Umar ibn Abdul Aziz
- Buku rujukan untuk pelbagai bidang ilmu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab
- Ibn al-Nafis pakar bedah Damasyik menghasilkan buku al-Shamil fis Sina'ah al-Tabibiyah (Kajian Umum Profession Kedokteran) yang membicarakan teknik pembedahan dan rawatan selepas pembedahan

- **Sistem Perundangan**

- Hakim mengenakan hukuman berdasarkan ijtihad dengan berpandukan al-Quran, sunnah atau ijmak
- Hakim tidak boleh mempengaruhi mana-mana pihak
- Bebas, tidak cenderung ke mana-mana aliran politik pemerintah
- Hakim mestilah adil dalam penghakiman

**(b) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah pada tahap kedua (Andalusia)**

- **Pendidikan**

- Pusat pengajian tinggi di Cordova diasaskan oleh Abdul Rahman III
- Berkembang menjadi pusat ilmu pengetahuan di Eropah
- Sebuah perpustakaan yang diasaskan oleh al-Hakam II
- Wujud 17 buah pusat pengajian serta 70 buah perpustakaan di Andalusia
- Pusta keilmuan di Cordova berkembang ke Seville, Toledo, dan Granada
- Pembinaan pusat penterjemahan untuk menterjemahkan karya tokoh Yunani ke dalam bahasa Arab di Toledo
- Cordova boleh dianggap sebagai pusat kegemilangan ilmu
- Cordova menjadi jambatan kepada masyarakat Eropah
- Orang Islam menimba ilmu daripada karya Eropah melalui terjemahan yang dihasilkan

- **Seni bina Islam**

- Binaan masjid Cordova
- Mempunyai menara setinggi 36 meter
- Kubah masjid Cordova berasaskan kayu berukir
- Mempunyai 1,293 tiang yang diperbuat daripada marmar
- Diterangi oleh 4,700 buah lampu

- **Ekonomi**

- Penubuhan baitulmal mewujudkan sistem kewangan untuk mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan negara
- Sumber pendapatan kerajaan

- Kharaj (Cukai Tanah)
- Jizyah (cukai perlindungan)
- Zakat usyur (cukai sebanyak satu per sepuluh daripada hasil pertanian yang didapati oleh tuan tanah)
- Ghanimah (harta yang dirampas oleh tentera melalui peperangan)
- Cordova menjadi pusat kegiatan ekonomi dan perdagangan antarabangsa
- Perkembangan kemahiran pembuatan barangan tembikar serta perhiasan daripada perak dan emas
- Perusahaan memproses kulit dan membuat senjata
- Kemajuan sektor pertanian
- Sistem saliran dibina untuk menyuburkan tanah pertanian
- Penyelidikan mendapatkan benih yang berkualiti

### **3 Kerajaan Bani Abbasiyah diasaskan pada 750M dan berakhir pada tahun 1258M.**

#### **(a) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah sebagai pusat intelektual Islam**

- Gemilang semasa pemerintahan Khalifah Hrun al-Rasyid dan puteranya al-Makmun
- Kota Baghdad menjadi sebagai pusat intelektual dan penyebaran ilmu
- Perkembangan keilmuan melalui penulisan dan penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab
- Pembinaan baitulhikmah sebagai institusi keilmuan
- Kegiatan utama penterjemahkan karya falsafah dan sains daripada bahasa Yunani
- Kegiatan penulisan mengikut tiga tahap. Pertama, mencatat segala idea atau percakapan
- Kedua, mengumpulkan idea yang serupa atau mengumpulkan hadis Nabi Muhammad s.a.w ke dalam sebuah buku
- Ketiga, mengarang
- Penglibatan golongan ulama dalam penulisan
- Ramai ulama mula menyusun hadis
- Menghasilkan tulisan dalam bidang fikah, tafsir, dan sejarah
- Ulama terkenal seperti :
- Imam Malik (penyusun buku al-Muwatta)
- Ibn Ishaq (penyusun sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w)
- Abu Hanifah (penyusunan fikah dan pendapat ijthad)
- Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i, dan Imam Ahmad bin Hanbal

- Terdapat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah (sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w), dan ilmu hadis
- Perkembangan intelektual bergantung pada usaha terjemahan yang dibuat daripada bahasa Sanskrit, Suriani, dan Yunani
- Orang Islam bukan sahaja menterjemah, malah mencipta dan membuat pembaharuan dalam karya penterjemahan
- Menghuraikan dan membuat penambahbaikan terhadap karya dan memuatkan keterangan dan ulasan
- Memelihara warisan ilmu daripada lenyap atau terkubur akibat Eropah dilanda Zaman gelap
- Pusat pengajian tinggi mempertikaikan lagi kegiatan penyelidikan hingga hasil kajian sarjana Islam telah sampai ke Eropah
- Sejumlah kajian diterjemahkan ke dalam bahasa asing yang membawa kebangkitan eropah
- Membuka mata ilmuwan Eropah melahirkan Renaissance

**4 Kerajaan Turki Uthmaniyah bermula pada abad ke-14 dan berakhir pada awal abad ke-20, kerajaan ini mampu bertahan selama hampir 600 tahun.**

**(a) Terangkan pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah**

- Perkataan Uthmaniyah berasal daripada nama pengasas kerajaan Uthman bin Ertughul bin Sulaiman Shah
- Berasal daripada suku Qayi
- Uthman ialah amir ataupun gabenor Saljuk bagi kawasan sebelah barat Anatolia
- Kawasan ini bersempadan dengan kawasan empayar Byzantine atau Rom Timur
- Pentadbiran Uthman menghadapi ancaman yang lebih tinggi berbanding dengan wilayah yang lain
- Uthman berjaya menumpaskan tentera Byzantine (1301M)
- Kemenangan menyebabkan ramai ghazi ataupun pahlawan tentera serta pemimpin masyarakat bersatu di bawah Uthman
- Uthman menakluki kawasan sekitar Anatolia
- Menjadikan bandar Bursa sebagai ibu negeri
- Uthman meninggal dunia (1326M) dan usaha perluasan kuasa diteruskan oleh anaknya Orhan I

**5 Nyatakan cara perantukan Umar bin al-Khattab sebagai khalifah.**

- Dicapadangkan oleh Khalifah Abu Bakar al-Siddiq ketika sakit
- Dipersetujui oleh para sahabat dan orang ramai

**6 Jadual berikut menunjukkan penyebaran Islam secara meluas dan kemudiannya bertembung dengan tamadun lain di dunia.**

**(a) Terangkan cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.**

- **Perdagangan dan peniagaan**
- Penguasaan Islam terhadap Teluk Parsi, Laut Merah dan timur Mediterranean
- Membolehkan perdagangan jarak jauh laut
- Orang Islam telah menetap dan berdagang di anton, China. Tamadun Islam bertembung dengan tamadun China
- **Hubungan diplomatik**
- Kerajaan Umayyah menghantar kumpulan peneroka ke utara selat Gibraltar di selatan Sepanyol
- Bertemu dengan beberapa petempatan orang bukan Islam seperti di Cordova, Valencia dan Rhonda
- Membuat hubungan diplomatik dengan kawasan-kawasan tersebut
- Mengenai cara hidup, pandangan politik, keagamaan, ekonomi dan pentadbiran
- **Penaklukan dan ketenteraan**
- Memperluaskan kawasan dan penyebarann Islam melalui ekspedisi ketenteraan
- Penaklukan Iraq dan Iran, tamadun Islam bertembung dengan tamadun Parsi
- Berlakulah interaksi dan asimilasi antara tamadun Islam dan tamadun lain
- Penaklukan kawasan Mesir dan Afrika Utara, tamadun Islam bertembung dengan tamadun Rom
- **Pertembungan kebudayaan**
- Kemasukan Islam di Sepanyol menyebabkan muncul kebudayaan baharu
- Bahasa Arab menjadi bahasa utama di Sepanyol semasa zaman Umayyah di Cordova
- Lahir golongan Mozarab, iaitu orang tempatan beragama Kristian tetapi mengamalkan kebudayaan Islam dan berbahasa Arab
- **Pertembungan intelektual**
- Antara ahli fikir Islam dan bukan Islam
- Penyebaran Islam di Eropah membawa keuntungan kepada para intelektual Islam
- Ilmuwan Islam telah berjaya mendalami keilmuan tamadun Eropah.

**(b) Terangkan kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.**


- **Keagamaan**
- Islam mengubah sistem kehidupan penganutnya
- Menanamkan nilai akidah iaitu kepercayaan kepada Allah s.w.t.
- Sistem perundangan berdasarkan al-Quran dan hadis
- Islam berasaskan akidah dan syariah
- Mudah diterima kerana bersifat sarwajagat

- Islam tidak menghapuskan cara hidup, adat, dan budaya masyarakat setempat
- **Ilmu perubatan**
- Zakaria al-Razi menyumbangkan kepentingan perubatan klinikal
- Menghasilkan lebih 20 karya seperti kitab *Al-Hawi*, sebuah ensiklopedia perubatan
- Penterjemah utama hasil karya Galen, ahli perubatan Greek
- Al-Zahrawi (936-1013 M.) arif dalam kajian perubatan dan farmasi
- **Bidang matematik dan astronomi**
- Al-Khawarizmi, al-Battani, Abu Ishaq al-Biruji dan al-Bitruni
- **Bidang pemikiran politik dan undang-undang**
- Al-Farabi (950 M.), al-Miskawayh dan al-Mawardi
- Menghasilkan beberapa karya undang-undang dan pemikiran politik
- **Ilmu mantik dan falsafah**
- Ibn Sina, al-Kindi, Fakhr al-Din, al-Razi Ibn al-Arabi, Ibn Rushd dan Imam Ghazali
- Perkembangan pemikiran usuluddin, falsafah sains, pemikiran kritis dan kesedaran agama
- **Kesenian Islam**
- Keindahan seni ukir dan seni bina
- Contohnya, Masjid Cordova di Sepanyol, Masjid Sultann Ahmed (Masjid Biru) di Istanbul, dan Istana Alhambra di Granada
- **Kesusasteraan**
- Penulis puisi dan novel
- Omar Khayyam menulis tentang Ruba'iyah
- Al-Jahiz yang terkenal dengan Kitab al-Bayan
- Jalal ad-Din Rumi banyak menghasilkan puisi yang bertemakan ketuhanan
- Rabi'ah al-Adawiyah ialah penulis wanita yang banyak menghasilkan puisi bertemakan ketuhanan dan hubungan antara manusia dengan Tuhan
- **Pengembara**
- Ibn Battuta (1304-1377 M.) mengembara ke China, India dan Afrika
- Catatan penerokaannya amat dihargai dari segi ketepatan fakta tentang kawasan yang dilawatinya
- Tulisan Ibn Battuta menjadi rujukan sejarawan hingga ke hari ini
- Al-Mascudi (945 M.) mengembara ke China, Parsi, India dan Timur Afrika
- Ibn Fadhlān mengembara ke utara Eropah pada abad ke-12
- **Kebudayaan**



- Orang Islam mempengaruhi tata tertib kehidupan harian seperti cara berpakaian, berfikir, bertutur, berdagang dan berpolitik
  - Semasa zaman Umayyah di Sepanyol, orang bukan Islam telah mengamalkan cara hidup orang Islam
  - Golongan Mudejar bertutur dalam bahasa Arab dan berpakaian seperti orang Islam
  - Tatasusila kehidupan harian Islam mempengaruhi kehidupan harian orang Eropah sehingga zaman Renaissance
  - Perkembangan Islam di Eropah mempengaruhi proses urbanisasi dan organisasi sosial di bandar
- (c) **Pada pendapat anda, mengapakah perkongsian kegemilangan tamadun antara negara di dunia patut diwujudkan?**
- Menikmati kekayaan
  - Perkongsian teknologi
  - Perkongsian ilmu
  - Meningkatkan taraf hidup
  - Menjamin keamanan sejagat
  - Memupuk kerjasama dunia
  - Menjamin keselamatan sejagat
  - Mewarisi kegemilangan dunia
  - Meningkatkan kemajuan negara
  - Mengamalkan inovasi
  - Meningkatkan kemahiran

## Bab 7



### 1 Rajah dia atas menunjukkan kesan kedatangan Islam ke Asia Tenggara

- (a) **Bincangkan kesan pengaruh Islam dalam pemerintahan dan pentadbiran di Asia Tenggara**
- Institusi Kesultanan
  - Institusi kesultanan amalan kerajaan Abbasiyah dan kerajaan Uthmaniyah menggantikan institusi beraja
  - Sistem pentadbiran Islam meletakkan sultan sebagai ketua negara

- Mufti dilantik sebagai penasihat sultan dalam hal agama dan pentadbiran
- Diwujudkan jawatan kadi, khatib, bilal, pemungut zakat, penyelia baitulmal, dan penjaga harta wakaf
- Gelaran
- Gelaran meletakkan mereka setaraf dengan pemerintahan kerajaan Islam di dunia
- Dalam Hukum Kanun Melaka, raja diberi gelaran Khaliful Mukminin yang bererti pemimpin orang mukmin
- Terengganu dan Kelantan menggunakan gelaran Zillullah fil' Alam yang bermaksud bayangan Allah didalam alam
- Islam dijadikan agama rasmi oleh kerajaan Islam Melaka, Aceh, dan Brunei
- Sultan sebagai khalifah Allah haruslah menunaikan amanah dengan adil
- Sultan Malik al-Zahir, Sultan Ali Mughayat Syah, dan Sultan Iskandar Thani (Aceh) menerapkan unsur-unsur Islam dalam pemerintahan
- Konsep dewa raja dihapuskan
- Nama
- Nama raja menggunakan nama Islam seperti Sultan Mansur Syah (pemerintah yang dibantu oleh Allah) dan Sultan Mahmud Shah (Sultan terpuji)
- Unsur Islam diterapkan pada nama negeri seperti Aceh darul Salam
- Undang-undang syariah diperkenalkan
- Undang-undang Islam dilaksanakan dalam kes jenayah seperti kecurian dan pembunuhan, urusan pernikahan, perniagaan, serta pembahagian harta pusaka
- Undang-undang awam dan jenayah Melaka berdasarkan undang-undang syariah dan undang-undang adat
- Sultan Alaudin Riayat Syah, mempraktikkan undang-undang Islam dengan tegas di Melaka
- Di Aceh, perlembagaan Islam dikenali sebagai Kanun Mahkota Alam
- Jihad
- Islam menggerakkan semangat jihad menentang penjajahan Barat
- Di Aceh, sultan menggunakan semangat jihad untuk melindungi kesucian Islam daripada Portugis
- Di Jawa, rakyat bersatu dengan prinsip-prinsip Islam untuk menghalau Portugis dan Belanda
- Semangat jihad disebarkan kepada rakyat tempatan Aceh menerusi penulisan ulama
- Syeikh Nurudin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkel menegaskan kewajipan berjihad bagi setiap orang Islam

**(b) Nyatakan pengaruh Islam dalam bidang ekonomi**

- Institusi ekonomi seperti baitulmal diperkenalkan di Aceh oleh Sultan Iskandar Nuda Nahkot Alam
- Berfungsi sebagai perbendaharaan negara
- Hasilnya boleh diperolehi daripada zakat dan sedekah

- Islam menggalakkan umatnya supaya rajin belajar
- Mencari rezeki yang halal dan mlarang perbuatan mengemis
- Islam menggalakkan rang Islam berdagang
- Mengamalkan unsur-unsur yang halal semasa berurus niaga
- Amalan riba, pnindasan, dan penipuan adalah dilarang
- Nilai-nilai murni dalam ekonomi turut disarankan seperti berjimat cermat dan berusaha dengan bersungguh-sungguh

**(c) Bincangkan pengaruh Islam dalam sistem pendidikan di Asia Tenggara**

- Menuntut ilmu
- Seruan Islam mewajibkan setiap orang Islam menuntut ilmu
- Sikap mementingkan ilmu membawa perkembangan pendidikan
- Pendidikan formal
- Kewujudan institusi pendidikan formal seperti istana, pondok, pesantren, madrasah, dan pondok
- Pusat pendidikan Islam formal terawal muncul di Perak, iaitu pondok aau dayah yang dikenali Dayah Bukit Ce Breek
- Di Samudera-Pasai, uncl pusat penterjemahan yang menjadi rujukan kerajaan Islam lain
- Pendidikan pondok berkembang di Pittani, Aceh, dan Jawa
- Di Melaka, masyarakat menuntut ilmu di rumah ulama, maşji, dan surau
- Istana adalah pusat pendidikan formal untuk golongan bangsawan
- Pendidikan di Aceh
- Aceh menjadi pusat penyelidikan Islam selepas Melaka dikuasai Portugis
- Terdapat tiga peringkat sistem pendidikan di Aceh :
- Peringkat rendah (rangkang)
- Menengah (muenasah)
- Pengajian tinggi atau Universiti (Jamiah Bait al-Rahman)
- Ramai pelajar luar Aceh mendalami ilmu pengetahuan Islam di Aceh sehinggakan digelar sebagai Serambi Makkah
- Wanita digalakkan belajar di dayah dan diberi peluang memegang jawatan dalam pentadbiran
- Pendidikan Islam tersebar ke Pulu Jawa, Pattani, Filipina, Riau, dan semenanjung Tanah Melayu

**2 Senarai berikut menunjukkan pengaruh Islam dalam sistem pemerintahan di Asia Tenggara.**

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pentadbiran</li> <li>• Perundangan</li> </ul> |
|--|

**(a) Senaraikan kerajaan Islam di Asia Tenggara.**

- Melaka
- Pasai
- Perlak/Johor-Riau/Acheh/Brunei/Pattani/Champa

**3 (a) Jelaskan pengaruh Islam dalam masyarakat Asia Tenggara dari aspek berikut.**

**(i) Cara hidup**

- Cara hidup Islam diasimilasikan dalam budaya masyarakat
- Lahirlah cara hidup Islam seperti cara berpakaian iaitu bertudung kepala dan bersongkok
- Islam sebagai 'ad-din' iaitu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh
- Mengubah sistem sosial daripada mempunyai kelas kepada konsep persaudaraan
- Persamaan taraf antara sesama manusia
- Nilai-nilai akhlak Islam dijadikan panduan dalam kehidupan harian
- Sifat tolong-menolong, hormat-menghormati dan bekerjasama menjadi budaya masyarakat
- Kemurnian Islam jelas tergambar dalam amalan gotong-royong di kampung-kampung
- Amalan bersatu padu masyarakat kampung dipupuk dan diperkukuh
- Unsur kepercayaan seperti memuja semangat dan mempercayai keramat beransur-ansur hilang

**(ii) Sistem tulisan dan bahasa Melayu**

- Tulisan Jawi diperkenalkan
- Menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran kerajaan Islam
- Mengubah suai huruf Arab dalam al-Quran bagi menulis perkataan Melayu
- Kedatangan Islam meningkatkan mutu bahasa dan kesusasteraan Melayu
- Lahir sasterawan tempatan seperti Tun Sri Lanang, Syamsudin al-Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel
- Menjadi bahasa *lingua franca*
- Menjadi bahasa ilmu
- Menjadi lebih mantap apabila cerita-cerita panji yang ditulis dalam bahasa Jawa disampaikan dalam bahasa Melayu
- Terpengaruh oleh gaya dan tatabahasa bahasa Arab
- Bentuknya banyak dipengaruhi oleh sastera Islam seperti syair, gurindam, nazam dan cerita hikayat

- Fungsi sastra telah berubah daripada untuk berhibur kepada mengkritik
- Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perdagangan
- Menjadi bahasa perantaraan para pedagang dari timur dan Barat

**(b) Bagaimanakah sistem ekonomi Islam dilaksanakan di negara kita?**

- Menggalakkan rajin bekerja
- Mencari rezeki yang halal
- Melarang perbuatan mengemis
- Menggalakkan berdagang
- Mengamalkan unsur yang halal semasa berurus niaga
- Melarang amalan riba, penindasan dan penipuan
- Mengamalkan nilai-nilai murni seperti berjimat cermat
- Berusaha bersungguh-sungguh
- Menubuhkan institusi ekonomi seperti baitulmal
- Kutipan zakat
- Sedekah
- Mengamalkan akad dalam jual beli

---

**Bab 8**

- Undang-undang adat

**1 Maklumat di atas menunjukkan sistem perundangan di Tanah Melayu.**

**(a) Nyatakan kepentingan undang-undang dalam masyarakat Melayu tradisional.**

- Sistem perundangan penting demi menjamin keharmonian hidup masyarakat
- Perjalanan masyarakat menjadi tersusun kerana segala perlakuan, tanggungjawab dan hukuman tentang kesalahan telah ditentukan
- Tanggungjawab raja dan pembesar
- Pentang larang dalam kalangan anggota masyarakat
- Hukuman terhadap kesalahan jenayah

- Undang-undang keluarga
- Gabungan kampung wujudkan bandar
- Jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu
- Menentukan sistem pewarisan harta
- Menentukan sistem warisan
- Menentukan sistem pemerintahan dan pentadbiran

**(b) Jelaskan ciri-ciri Adat Perpatih.**

- Musyawarah asas pentadbiran dan penyelesaian masalah
- Musyawarah dihadiri oleh perwakilan 12 suku
- Terdapat 12 suku dan setiap suku dianggap sebuah keluarga yang besar
- Ahli setiap suku tidak dibenarkan berkahwin dengan suku yang sama
- Ketua adat suku ialah Lembaga
- Pemilihan ketua di pelbagai peringkat dilantik oleh kumpulan ketua daripada peringkat bawah
- Adat Perpatih diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang berasal dari Pagar Ruyung Sumatera
- Bersifat matrilineal, iaitu nasab keturunan mengutamakan jurai keturunan ibu
- Anak perempuan diberikan hak mewarisi harta

**(c) Jelaskan ciri-ciri Adat Temenggung.**

- Berasaskan siste parilineal, iaitu mementingkan jurai keturunan bapa
- Dalam pembahagian harta pusaka, anak lelaki diutamakan daripada anak perempuan mengikut hukum faraid dalam Islam
- Seseorang individu bebas untuk berkahwin dengan pasangan pilihannya asalkan tidak melanggar hukum Islam
- Diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan yang memerintah Palembang, Sumatera
- Mulanya dipengaruhi oleh ajaran Hindu
- Disesuaikan dengan ajaran Islam oleh mazhab Shafie

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan formal</li> </ul> |
|---|

**2 Maklumat di atas menunjukkan pengaruh Islam terhadap pendidikan tidak formal.**

**(a) Jelaskan pengaruh kedatangan Islam terhadap pendidikan tidak formal.**

- Merupakan pendidikan awal
- Asuhan dalam institusi keluarga

- Penekanan terhadap pengajaran nilai-nilai moral
- Pembelajaran melalui pendengaran, penglihatan dan pemerhatian
- Kanak-kanak mempelajari kemahiran daripada ibu bapanya menerusi pemerhatian dan latihan seperti dalam bidang pertanian, perikanan, kraf tangan atau pertukangan
- Ibu bapa mengajar anak-anak tentang agama, kelakuan dan adat resam, sikap bersopan santun, cara berkawan dan menjaga maruah
- Nilai-nilai budaya murni diserapkan melalui cerita lisan seperti cerita binatang dan cerita jenaka.
- Cerita berbentuk teladan dan pengajaran diberikan penekanan
- Cerita *Anjing dengan Bayang-bayang* memberi pengajaran agar seseorang itu tidak tamak
- Cerita *Sang Kancil* menekankan kepandaian dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah
- Kanak-kanak mempelajari pantun larang dan adat istiadat melalui pergaulan sosial
- Tunduk sambil menghulurkan tangan apabila lalu di hadapan orang yang lebih tua
- Pendidikan tidak formal menerusi pantun, peribahasa dan teka-teki

**(b) Nyatakan peranan istana sebagai institusi pendidikan.**

- Istana sebagai pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan
- Sejarah Melayu mencatatkan tentang peranan istana Melaka sebagai pusat pengajian agama
- Sultan Mansur Shah mempelajari Islam daripada Maulana Abu Bakar, Sultan Mahmud Shah dan Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Jahan
- Perkembangan pesat bidang pendidikan dipengaruhi oleh ulama dan pendakwah asing yang menetap di Melaka
- Ulama pelbagai bangsa seperti Banggali, Arab, Parsi dan Gujerat
- Minat pemerintahnya terhadap ilmu pengetahuan
- Tempat menyimpan buku hikayat yang penting seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*
- Pendidikan tentang pentadbiran negara dan politik
- Kitab al-Dur al-Manzum (Mutiara Tersusun) iaitu kitab tasawuf karangan Maulana Abu Bakar diarak sehingga ke balairung istana Melaka
- Sultan Mansur Shah berminat dalam pengajian tasawuf

**(c) Apakah kesan kedatangan Islam terhadap perkembangan pendidikan?**

- Tidak terhad kepada golongan atasan semata-mata
- Semua golongan turut terlibat
- Pendidikan keagamaan diadakan di istana, masjid, surau, madrasah dan pondok
- Pendidikan di rumah memberi penekanan kepada pengajaran al-Quran
- Dilakukan di rumah guru al-Quran atau dikenali sebagai tok guru

- Murid-murid terdiri daripada kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga 15 tahun

### 3 Senaraikan ciri-ciri Adat Perpatih.

- Diguna pakai oleh Orang Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan di Naning
- Ahli setiap suku yang sama tidak dibenarkan berkahwin
- Bersifat *matrilineal*, iaitu nasab keturunan mengutamakan jurai keturunan ibu
- Hak anak perempuan mewarisi harta
- Musyawarah merupakan asas pentadbiran dan penyelesaian masalah
- Musyawarah dihadiri oleh perwakilan 12 suku yang dianggap sebuah keluarga besar
- Ketua di pelbagai peringkat dilantik oleh kumpulan ketua daripada peringkat bawah

### 4 Mengapakah setiap rakyat wajib mematuhi undang-undang?

- Perjalanan masyarakat menjadi tersusun
- Wujud keamanan
- Melicinkan pentadbiran
- Mengelakkan kematian
- Mengelakkan kemusnahan persekitaran
- Menjamin keselamatan
- Mewujudkan keadilan masyarakat
- Mengelakkan peperangan
- Melindungi hak asasi manusia


### 5 Jelaskan peranan istana sebagai institusi pendidikan.

- Pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan
- Mengikut *Sejarah Melayu*, istana Melaka berperanan sebagai pusat pengajian agama
- **Kewujudan ulama dan pendakwah asing yang menetap di Melaka**
- Ulama pelbagai bangsa seperti Benggali, Arab, Parsi dan Gujerat
- Tempat menyimpan buku hikayat seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*
- Pendidikan di istana melibatkan hal pentadbiran negara dan politik
- Sultan Mansur Shah mempelajari Islam daripada Maulana Abu Bakar, Sultan Mahmud Shah dan Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Jahan



- Kitab *al-Dur al-Manzum* (Mutiaras Tersusun), sebuah kitab tasawuf karangan Maulana Abu Bakar diarak ke balairung istana Melaka
- Sultan Mansur Shah sangat berminat dalam pengajian tasawuf

**6 Rajah berikut menunjukkan sistem pendidikan masyarakat Melayu tradisional di Tanah Melayu.**



**(a) Jelaskan cara pembelajaran dalam pendidikan tidak formal.**

- Asuhan yang berlaku dalam institusi keluarga sebagai pendidikan awal
- Penekanan terhadap pengajaran nilai-nilai moral
- Pembelajaran melalui pendengaran, penglihatan dan pemerhatian
- Kanak-kanak mempelajari kemahiran daripada ibu bapa menerusi pemerhatian dan latihan seperti pertanian, perikanan, kraf tangan atau pertukangan
- Mengajar anak-anak tentang agama, kelakuan dan adat resam, sikap bersopan santun, cara berkawan serta menjaga maruah
- Nilai-nilai budaya murni diserapkan melalui cerita lisan seperti cerita binatang dan cerita jenaka
- Cerita berbentuk teladan dan pengajaran diberikan penekanan
- Cerita *Anjing dengan Bayang-bayang* memberi pengajaran agar seseorang itu tidak tamak
- Cerita *Sang Kancil* menekankan kepandaian dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah
- Kanak-kanak mempelajari pantun larang dan adat istiadat melalui pergaulan sosial
- Tunduk sambil menghulurkan tangan apabila lalu di hadapan orang yang lebih tua
- Pendidikan tidak formal menerusi pantun, peribahasa dan teka-teki


**(b) Terangkan perkembangan pendidikan formal selepas kedatangan Islam.**

- **Pendidikan di rumah**
- Menekankan pengajaran al-Quran
- Dilakukan di rumah guru al-Quran atau dikenali sebagai tok guru
- Murid-murid terdiri daripada kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga 15 tahun
- **Pendidikan formal di masjid dan surau**
- Pusat pertemuan dan perkumpulan masyarakat
- Mengembangkan ilmu-ilmu Islam
- Kanak-kanak diajar ilmu fiqah, tajwid, cara dan bacaan dalam sembahyang
- Pada sebelah malam, masjid dijadikan pusat pengajian orang dewasa

- Merangkumi ilmu fiqah, usuludin, hadis dan tasawuf dengan tahap yang lebih tinggi
  - **Sistem pendidikan pondok**
  - Penekanan kepada ilmu keagamaan
  - Menyediakan pelajar-pelajarnya untuk menjadi guru agama
  - Meluas di Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pattani
  - Bermula pada kurun ke-12 di Pattani dan berkembang ke negeri-negeri Melayu
  - **Sistem lebih tersusun**
  - Tetapi pengajian di pondok ini tiada batasan waktu
  - Mengambil masa yang panjang iaitu hingga 10 tahun
  - **Sistem madrasah**
  - Berdasarkan sukatan pelajaran
  - Dilaksanakan secara kelas
  - Pendidikannya mengikut tahap, iaitu tahap permulaan dan pertengahan serta terdapat pengkhususan
  - Diawasi oleh mudir, iaitu guru besar
  - Diselia oleh sebuah lembaga, jawatankuasa kewangan dan sebagainya
  - Diperkenalkan pada zaman Khalifah Bani Saljuk
  - **Istana sebagai institusi pendidikan**
  - Pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan
  - Mengikut sejarah Melayu, istana Melaka berperanan sebagai pusat pengajian agama
  - Dipengaruhi oleh ulama dan pendakwah asing yang menetap di Melaka
  - Ulama-ulama terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Benggali, arab, Parsi dan Gujerat
  - Tempat menyimpan buku hikayat yang penting seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*
  - Pendidikan tentang pentadbiran negara dan politik
  - Sultan Mansur Shah mempelajari Islam daripada Maulana Abu Bakar
  - Sultan Mahmud Shah dan Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Jahan
  - Kitab al-Dur al-Manzum (Mutiara Tersusun) iaitu kitab tasawuf karangan Maulana Abu Bakar diarak sehingga ke balairung istana Melaka
  - Sultan Mansur Shah berminat dalam pengajian tasawuf
- (c) **Mengapakah pendidikan tidak formal patut diamalkan oleh generasi pada hari ini?**
- Nilai moral diserap secara praktikal
  - Pendidikan agama patut diamalkan dalam kehidupan seharian

- Merapatkan kekeluargaan
- Pendidikan tidak formal melengkapkan pendidikan formal
- Mewarisi tradisi keluarga
- Menyerapkan nilai-nilai murni yang luhur
- Menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak

## Bab 10



### 1 Rajah di atas menunjukkan sistem pendidikan vernakular yang wujud di Tanah Melayu.

(a) Apakah maksud sistem pendidikan vernakular?

- Sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar

(b) Bagaimanakah pelaksanaan sekolah vernakular Melayu?

- Hanya peringkat sekolah rendah
- Kurikulumnya terbatas dan bersesuaian dengan matlamat British
- Cita-cita British mahu menjadikan anak Melayu sebagai petani yang lebih baik daripada bapa mereka

(c) Nyatakan ciri-ciri sekolah vernakular Inggeris.

- Dusahakan oleh mubaligh dan badan sukarela
- Dianggap sekolah elit
- Lokasi di bandar
- Pelajar daripada golongan orang atasan
- Kurikulum disusun berdasarkan sistem pendidikan di England
- Penubuhan Universiti Malaya di Singapura

(d) Mengapakah sekolah vernakular Tamil berorientasikan sistem pendidikan negara India?

- Sukatan pelajaran dari India
- Buku dari India
- Tenaga pengajar dari India
- Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar

- Sistem tiket kredit
- Sistem pengambilan kakitangan

**2 Senarai di atas menunjukkan cara kemasukan buruh dari China ke Tanah Melayu.**

**(a) Jelaskan cara kemasukan buruh China melalui sistem pengambilan kakitangan dijalankan.**

- Majikan yang memerlukan buruh akan menghantar pegawainya ke China.
- Untuk mendapatkan tenaga buruh
- Segala tambang dan perbelanjaan buruh tersebut akan dibiayai oleh majikan
- Pegawai yang dihantar bertanggungjawab untuk mengiringi buruh-buruh
- Mereka mesti sampai di tempat majikannya

**(b) Nyatakan kemasukan buruh China melalui sistem pengambilan rumah kongsi.**

- Pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di negara China
- Dilantik oleh sesebuah rumah kongsi
- Pegawai membiayai perbelanjaan buruh-buruh tersebut
- Mereka mesti sampai di rumah kongsi di Tanah Melayu
- Buruh diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi
- Pembawa buruh akan dibayar dengan kadar tertentu
- Seperti yang dipersetujui bagi setiap buruh yang dibawanya

**(c) Terangkan pelaksanaan sistem tiket kredit bagi membawa buruh China ke Tanah Melayu.**

- Bakal imigran ke Tanah Melayu dikumpulkan dari kampung-kampung di negara China oleh kheh-thau (ketua)
- Kheh-thau bertanggungjawab mengumpulkan masyarakat tempatan di China sebelum dibawa ke pelabuhan
- Kheh-thau dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran China yang dibawa
- Bakal-bakal imigran ini dikenali sebagai sin kheh
- Sin kheh imigran miskin tidak mampu membiayai perbelanjaan mereka ke Tanah Melayu
- Golongan imigran diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh
- Mereka terlebih dahulu menerima bayaran daripada bakal majikan imigran berkenaan
- Golongan sin kheh perlu membuat perjanjian secara lisan atau bertulis

- Untuk menjelaskan hutang mereka dengan cara bekerja dengan majikan berkenaan dalam satu tempoh yang tertentu
- Mereka akan dibekalkan dengan tiket yang menunjukkan pelabuhan yang mereka akan tuju
- Sama ada mereka bebas atau berhutang
- Sampai di pelabuhan, sin kheh akan diambil oleh pemborong buruh yang akan bertindak sebagai orang tengah
- Akan mendapatkan majikan untuk mereka dengan bayaran tertentu
- Jawatan pegawai pelindung buruh dari China telah diwujudkan di Tanah Melayu
- Bagi mengawasi kemasukan buruh dan imigran dari China
- Beberapa undang-undang diluluskan untuk membaiki sistem pengabilan buruh

**3 British telah memperkenalkan undang-undang tanah untuk meneruskan penguasaan ekonomi Tanah Melayu.**

**(a) Jelaskan undang-undang berhubung tanah masyarakat Melayu tradisional sebelum kedatangan British dilaksanakan.**

- Pemilikan dan penggunaan tanah tidak menjadi persoalan masyarakat Melayu
- Wujud kawasan tanah yang luas
- Kepadatan penduduk yang rendah di Tanah Melayu
- Urusan tanah seperti cukai dan aktiviti ekonomi mesti mendapat kebenaran pembesar Melayu terlebih dahulu
- Kebenaran yang sama bagi mengusahakan sesuatu bidang tanah
- Tanah merupakan sumber ekonomi dan tunggak kuasa politik
- Mencerminkan kedudukan sosial pembesar Melayu
- Mengikut undang-undang adat, sesebuah kawasan tanah akan menjadi milik seseorang yang meneroka dan mengerjakan tanah tersebut
- Tanah boleh diwarisi oleh generasi yang terkemudian

**(b) Apakah kesan pengenalan undang-undang tanah British kepada masyarakat Melayu?**

- Keberkesanan pejabat tanah
- Undang-undang tanah menetapkan individu ataupun syarikat yang ingin mengusahakan kawasan tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada para pembesar Melayu
- Mereka membuat permohonan di Pejabat Tanah
- Masyarakat tempatan juga mendapat kebenaran daripada pejabat tanah untuk mengutip sumber hutan seperti nipah, damar dan rotan
- Undang-undang Tanah British memberikan kuasa yang besar kepada Residen negeri
- Mereka menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang diberikan kepada para pemodal

- Residen mengambil kira faktor seperti modal, teknologi dan bilangan tenaga manusia yang akan menjalankan sesuatu aktiviti ekonomi
- Perkembangan sistem ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu
- Orang Melayu mesti membayar cukai yang dikenakan terhadap hasil hutan
- Semua urusan seperti jual beli, cukai, sewa tanah, barang keperluan dan perkhidmatan dibayar dengan wang
- Masyarakat Melayu yang tinggal di luar bandar bergantung kepada orang tengah untuk meminjam wang
- Ramai orang Melayu terpaksa menjual tanah untuk melangsaikan hutang mereka

**4 Sejauh manakah Akta Tanah Simpanan Melayu bertujuan melindungi kepentingan ekonomi kerajaan penjajah?**

- Orang Melayu tidak dibenarkan menanam tanaman komersial di Tanah Simpanan Melayu
- Kawasan yang diasingkan sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM) tidak subur
- Walaupun kawasannya besar, tidak sesuai digunakan untuk kegiatan ekonomi perladangan
- Sekiranya kawasan yang subur, keluasannya pula kecil
- Hanya 46.09% daripada TSM yang diperuntukkan sesuai untuk pertanian

## TINGKATAN 5

### Bab 1

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karya kesusasteraan</li> <li>• Pengaruh luar</li> </ul> |
|--|

**1 Senarai di atas menunjukkan antara faktor yang mencetuskan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.**

**(a) Namakan hasil karya sastra tokoh-tokoh berikut.**


- Jose Rizal – Noli Me Tangere
- Pak Sako – Putera Gunung Tahan
- Chairil Anuar – Kerikil-kerikil Tajam / Ke Makam Bonda

**(b) Nyatakan dua pengaruh luar yang mencetuskan nasionalisme.**

- Kejayaan Jepun menewaskan China dan Rusia
- Perjuangan Mahatma Gandhi menuntut kemerdekaan India
- Gerakan Pan-Islamisme / Gerakan Reformasi Islam

**(c) Bagaimanakah kesedaran nasionalisme muncul dalam kalangan golongan intelektual?**

- Melanjutkan pelajaran di Barat dan Asia Barat
- Terdedah dengan idea falsafah Barat dan Islam
- Pengalaman di luar negara menyedarkan mereka bahawa penjajah tidak mentadbir tanah jajahan seperti mentadbir negara mereka sendiri




**2 Rajah di atas menunjukkan dua tahap gerakan nasionalisme di Burma.**

**(a) Nyatakan dua golongan yang mempelopori gerakan nasionalisme Burma.**

- Sami Buddha
- Elit berpendidikan Barat

**(b) Mengapakah isu Kasut membangkitkan semangat nasionalisme?**

- Orang Inggeris memakai kasut memasuki kuil Buddha membangkitkan kemarahan orang Burma



**3 Rajah di atas menunjukkan tahap Gerakan nasionalisme di Filipina akibat penguasaan Sepanyol Amerika.**

**(a) Jelaskan gerakan nasionalisme tahap pertama di Filipina.**

- Gerakan dakyah dipimpin oleh Jose Rizal
- Beliau disokong oleh golongan pertengahan berpendidikan Barat
- Menuntut agar Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
- Bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti bangsa Sepanyol
- Diberikan kebebasan bersuara
- Tuntutan mereka kurang mendapat tindak balas Sepanyol
- Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina
- Tujuannya mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Soekarno</li><li>• Raden Adjeng Kartini</li></ul> |
|---|

**4 Maklumat di atas mengenai tokoh nasionalisme di Indonesia.**

**(a) Jelaskan tentang perjuangan Soekarno.**

- Menubuhkan pArti Nasional Indonesia (PNI)
- Merupakan pejuang yang radikal
- Dipenjarakan oleh Belanda (1929-1931)
- Dibuang ke Flores pada tahun 1934
- Mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945
- Menjadi presiden pertama Indonesia

**5 Apakah faktor yang mencetuskan gerakan nasionalime tahap pertama di Thailand?**

- Berbeza daripada negara Asia Tenggara lain yang bersifat antipenjajah
- Merupakan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja
- Rakyat menentang sistem raja berkuasa mutlak
- Sistem pendidikan Barat telah memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi, dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek Thailand




- Kelemahan sistem pentadbiran
- Sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati
- Penubuhan Parti Rakyat pimpinan Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram
- Parti Rakyat melancarkan Revolusi Thai 1932
- Menamatkan sistem raja berkuasa mutlak

**6 Senarai berikut menunjukkan pengenalan birokrasi Barat dalam pentadbiiran di Tanah Melayu akibat daripada penjajahan British.**

**(a) Nyatakan bentuk pentadbiran di Melaka sebelum kedatangan Barat**

- Institusi Raja
- Sistem Pembesar Empat Lipatan

**7 Rajah berikut berkaitan dengan tahap gerakan nasionalisme di Indonesia menentang penjajahan Belanda.**



**(a) Namakan dua tokoh gerakan nasionalisme di Indonesia.**

- Soekarno
- Raden Adjeng Kartini

**(b) Apakah ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Indonesia?**

- Perjuangan parti-parti politik radikal
- Seperti Parti Komunis Indonesia (PKI), Parti Nasionalisme Indonesia (PNI) dan Sarekat Islam (SI)
- Ingin merdeka sekalipun dengan kekerasan
- Perjuangan PNI oleh Soekarno begitu popular
- Berjaya mempengaruhi rakyat Indonesia
- Belanda menangkap pemimpin yang radikal termasuklah Soekarno
- Mengharamkan PNI
- Soekarno dipenjarakan (1929-1931)

- Kemudian dibuang ke Flores (1934)
- Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia (17 Ogos 1945)
- Menjadi Presiden Indonesia yang pertama (1949)

**8 (a) Nyatakan perubahan sistem pentadbiran di Filipina kesan penjajahan Sepanyol.**

- Sebelum kedatangan Sepanyol, Filipina terdiri daripada daerah-daerah kecil / *barangay*
- *Barangay* diperintah oleh golongan Datu
- Di selatan Kepulauan Filipina wujud kerajaan-kerajaan Islam
- Selepas kedatangan Sepanyol, sistem pentadbiran berpusat diperkenalkan di Filipina
- Peringkat pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral
- Pentadbiran wilayah diketuai oleh Ketua datuk Bandar
- Pentadbiran bandar diketuai oleh Gabenor Kecil
- Pentadbiran tempatan mengikut sistem Encomienda
- Pemerintah Encomienda dikenali sebagai Encomiendero
- Antara tugas Encomiendero ialah menjaga keamanan, mengutip cukai dan mengkristiankan penduduk *barangay*
- Sistem Encomienda dibenci kerana mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga
- Penyatuan *barangay* menyebabkan kemerosotan sistem pemerintahan tradisional dan pengaruh golongan Datu

**(b) Terangkan gerakan nasionalisme tahap kedua di Filipina.**

- Dimulakan oleh Andres Bonifacio
- Menubuhkan Katipunan
- Penentangan secara radikal terhadap Sepanyol
- Untuk menyatukan bangsa Filipina
- Mencapai kemerdekaan melalui revolusi
- Menggunakan media cetak untuk menyebarkan fahaman revolusi kepada rakyat
- *Kalayan* merupakan akhbar rasmi
- Melancarkan revolusi bersenjata (1896) untuk menggulingkan Sepanyol tetapi gagal
- Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo (1897)
- Katipunan semakin lemah
- Diteruskan oleh Emilio Aguinaldo
- Merupakan anggota Katipunan dan Datuk Bandar di Cavite

- Bersama Abdres Bonifacio melancarkan pemberontakan
  - Presiden Kerajaan Revolusi Filipina (1897)
  - Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat mengusir Sepanyol (1898)
  - Kesannya, penguasaan Amerika Syarikat di Filipina
  - Pengisytiharan kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo (1899) tidak disahkan oleh Amerika Syarikat
  - Revolusi diteruskan sehingga Aguinaldo ditangkap (1901)
  - Diteruskan oleh Sergio Osmena
  - Dilantik untuk mengetuai Dewan Perhimpunan
  - Setelah Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti politik sederhana
  - Parti Nasional memenangi pilihan raya
  - Nasionalis Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan (1930-an)
  - Setelah pucuk pimpinan di Amerika Syarikat bertukar kepada yang lebih liberal
- 

## **Bab 2**

### **1 Apakah yang dimaksudkan dengan Gerakan Islah?**

- Gerakan yang mendorong masyarakat Melayu membetulkan pandangan mereka terhadap Islam
- Menyeru orang Melayu kembali kepada ajaran Islam sebenar berdasarkan al-Quran dan hadis

## **Bab 4**

### **1 (a) Nyatakan empat tindakan orang Melayu untuk membantah Malayan Union.**

- Bantahan melalui akhbar secara berterusan
- Mengadakan demonstrasi secara damai
- Menghantar telegram dan surat bantahan
- Menubuhkan United Malays Organization (U.M.O)
- Berkongres
- Mengadakan rapat umum
- Raja-raja Melayu menyatakan bantahan

- Memulau upacara pengisytiharan Malayan Union
- Berkabung selama 7 hari

2 (a) **Senaraikan ciri-ciri Perjanjian Malayan Union 1946.**

- Semua Negeri Melayu disatukan
- Gabenor British akan mengetuai Malayan Union
- Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union dibentuk
- Singapura diasingkan kerana kepentingannya sebagai pelabuhan bebas
- Kewarganegaraan sama rata dengan prinsip *jus soli*
- Raja-raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-raja Melayu yang berkuasa dalam soal agama dan adat istiadat Melayu
- Pesuruhjaya Negeri dilantik sebagai ketua pentadbir setiap negeri

(b) **Terangkan sebab-sebab penduduk Tanah Melayu menentang Malayan Union.**

- **Tindakan Sir Harold MacMicheal**
- Menggugut raja-raja Melayu
- Diturunkan takhta sekiranya enggan menerima Malayan Union seperti yang dialami oleh Sultan Badlishah, Kedah
- Sultan tidak diberikan masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri seperti Sultan Perak
- Terdapat sultan yang menandatangani perjanjian atas dasar setia kawan kepada British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor
- **Penghakisan kuasa Raja-raja Melayu**
- Menjadi ahli Majlis Raja-raja Melayu tanpa sebarang kuasa
- Raja kehilangan takhta
- Raja hilang kredibiliti sebagai ketua orang Melayu
- Zakat fitrah dipungut di bawah nama Gabenor Malayan Union
- Bertentangan dengan kedudukan sultan sebagai ketua agama Islam
- Bimbang agama Islam akan tercabar
- Menolak dasar kerakyatan yang longgar kepada orang dagang
- Dasar kerakyatan terbuka
- Mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi
- Jumlah orang Melayu menjadi kecil
- Ekonomi dan pendidikan orang Melayu bertambah mundur

- Orang Melayu bimbang akan kehilangan warisan tamadun
  - Yang dibina oleh Kesultanan Melayu Melaka
  - Menghapuskan sejarah kerajaan tersebut
  - **Perubahan politik**
  - Selepas Perang Dunia Kedua tidak sesuai
- (c) (i) **Terangkan tindakan orang Melayu menentang Malayan Union.**
- **Akhbar-akhbar Melayu**
  - Menyuarakan bantahan
  - Secara berterusan
  - Seperti *Utusan Melayu, Majlis* dan *Warta Negara*
  - **Mengadakan demonstrasi**
  - Secara damai
  - Semasa Sir Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan raja di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Setar, Kedah
  - **Persatuan-persatuan Melayu**
  - Dihidupkan semula untuk menentang Malayan Union
  - Menghantar telegram
  - Surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London
  - **Dato' Onn Ja'afar**
  - Menyeru diadakan kongres (13 Januari 1946)
  - Menubuhkan *United Malays Organization (U.M.O)*
  - Sebagai benteng menentang Malayan Union
  - **Kongres Melayu**
  - 1 hingga 4 Mac 1946
  - Di kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur
  - Dihadiri oleh 41 buah persatuan dari seluruh Tanah Melayu
  - Mencadangkan penubuhan *United Malays National Organization (UMNO)* atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
  - **Kongres Melayu Kedua (30 hingga 31 Mac 1946)**
  - Membantah pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946
  - Berkabung selama tujuh hari
  - Raja memulaukan majlis perasmian

- **Mengadakan rapat umum**
- Ketika kehadiran ahli-ahli Parlimen British
- L.D. Gammans dan David Reese Williams
- Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar
- Turut menyatakan bantahan
- **UMNO**
- Dato' Onn Ja'afar, presiden UMNO pertama
- Ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru (11 Mei 1946)
- Penggabungan 29 buah persatuan UMNO
- Menentang penubuhan Malayan Union
- **Tindakan tegas orang Melayu**
- Mendorong British berunding dengan Raja-raja Melayu dan UMNO
- **Penyatuan orang Melayu**
- Untuk mempertahankan status quo
- Kongres Melayu melahirkan UMNO
- Rundingan dengan Raja-raja Melayu dan UMNO
- Hasil rundingan, Persekutuan Tanah Melayu dibentuk

**(iii) Pada pendapat anda, apakah kesan jika Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu?**

- Tanah Melayu menjadi tanah jajahan
- Kemerdekaan lewat
- Berlaku kebangkitan rakyat
- Warisan tamadun Melayu terhapus
- Agama Islam tercabar
- Sultan hilang kuasa dan takhta
- Orang Melayu menjadi penduduk minoriti
- Semua Negeri Melayu disatukan
- Gabenor British akan mengetuai Malayan Union
- Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union dibentuk
- Singapura diasingkan kerana kepentingannya sebagai pelabuhan bebas
- Kewarganegaraan sama rata dengan prinsip jus soli

- Raja-raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-raja Melayu yang berkuasa dalam soal agama Islam dan adat istiadat Melayu
- Pesuruhjaya Negeri dilantik sebagai ketua pentadbir setiap negeri

## **Bab 5**

**1 (a) Apakah peranan Suruhanjaya Reid?**

- Membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

**(b) Senaraikan tiga ahli yang menganggotai Suruhanjay Reid.**

- Lord Reid
- Sir Ivor Jennings
- Sir William Mckell

**2 (a) Namakan tiga orang wakil sultan yang menyertai rombongan kemerdekaan.**

- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Nik Ahmed Kamil
- Encik Abdul Aziz Majid

**3 (a) Senaraikan isu-isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid untuk menggubal perlembagaan.**

- Pembentukan kerajaan persekutuan yang kuat
- Pemberian autonomi kepada negeri
- Mengambil kira isu kedudukan Raja-raja Melayu
- Hak istimewa orang-orang Melayu
- Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu

**4 (a) Namakan dua orang wakil raja yang menyertai Rombongan Kemerdekaan.**

- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Nik Ahmed Kamil
- Encik Abdul Aziz Majid
- Dato' Mohd Seth

**(b) Apakah ciri-ciri kepimpinan yang patut dicontohi daripada pemimpin Rombongan Kemerdekaan tersebut?**

- **Kebijaksanaan**
- **Kewibawaan**
- **Bertolak ansur**
- **Kesabaran**
- **Kepimpinan**
- **Mengutamakan rundingan**
- **Ketegasan**
- **Mementingkan hak raja dan rakyat**
- **Berilmu pengetahuan**
- **Memelihara kedaulatan negara**

**5 Pernyataan berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Reid.**

Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada Mac 1956 bagi menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

**(a) Senaraikan dua ahli Suruhanjaya Reid.**

- Lord Reid sebagai pengerusi
- Sir Ivor Jennings
- Sir William Mc Kell
- Tuan Abdul Hamid
- Tuan B. Malik

**6 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957.**

**(a) Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu?**

- Pembentukan kerajaan demokrasi berparlimen
- Konsep Raja Berpelembagaan dibentuk
- Memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang berdaulat
- Mentadbir mengikut acuan sendiri
- Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan murni untuk mewujudkan perpaduan antara kaum



- Prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 adalah penerusan kepada pembinaan negara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan berperundangan
- Unsur Kesultanan Melayu digabungkan dengan sistem birokrasi Barat untuk membentuk identiti tersendiri negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu merdeka
- Menerusi pakatan murni, keharmonian kaum dicapai tanpa menumpahkan darah
- Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan
- Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
- Kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara
- Pembentukan kerajaan Persekutuan
- Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan negeri melalui Senarai persekutuan dan Senarai Negeri
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara

**(b) Apakah keistimewaan cara kemerdekaan Tanah Melayu dicapai?**


- **Diusahakan oleh para pemimpin yang berwibawa**
- **Dicapai tanpa pertumpahan darah**
- **Sikap kerjasama antara kaum**
- **Mengutamakan perundingan sebagai pendekatan masyarakat berbilang kaum**
- **Musyawahar sebagai pendekatan mengatasi kemelut politik negara dan bangsa**
- **Melalui pakatan murni**
- **Melalui pilihan raya**
- **Mengamalkan tolak ansur politik**
- **Menyatupadukan kaum**
- **Melalui perjanjian dengan British**


---

**Bab 6**

**1 (a) Di manakah Perjanjian Malaysia ditandatangani?**

- London





**2 Garis masa di atas menunjukkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.**

**(a) Lengkapkan maklumat berikut.**

- X – Suruhanjaya Cobbold
- Y – Jawatankuasa Antara Kerajaan

**(b) Nyatakan peranan penubuhan Jawatankuasa Perundangan Perpaduan Malaysia (JPPM).**

- Memberikan penerangan kepada orang ramai tentang penubuhan Malaysia
- Mengumpul pandangan penduduk
- Menggalakkan pembentukan Malaysia

**3 Terangkan faktor pembentukan Malaysia dari aspek politik.**

- Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia kerana bimbang pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961
- Kebangkitan Barisan Sosialis akan melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew, *People's Action Party*
- Barisan Sosialis dianggap oleh Lee Kuan Yew sebagai gerakan berhaluan kiri
- Perkembangan akan menggugat rancangan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura
- Lee Kuan Yew menggunakan alasan ancaman komunis
- Mendesak British menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu
- Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) semasa darurat (1948-1960)
- Ancaman komunis di Sarawak dari *Clandestine Communist Organization (CCO)* yang bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis
- Penyertaan Singapura, Sarawak, dan Sabah ke dalam Malaysia menjadi benteng menghadapi ancaman komunis
- Penubuhan Malaysia mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei
- Kemerdekaan lebih awal
- Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun
- Penubuhan Malaysia proses dekolonisasi British

- Terhadap negara kecil yang belum membangun
- Hampir semua negara Asia Tenggara telah merdeka
- Usul PBB supaya tanah jajahan dimerdekakan
- Malaysia akan mewujudkan kestabilan politik di Asia Tenggara
- Langkah British menjaga kepentingan di Singapura

#### **4 Jelaskan reaksi Filipina terhadap pembentukan Malaysia.**

- Presiden Macapagal secara rasmi menuntut hak terhadap Sabah
- Filipina mendakwa Sabah merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu
- Tuntutan berdasarkan perjanjian pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck
- Baron Von Overbeck telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent yang telah menubuhkan syarikat perdagangan yang berjaya memperoleh Piagam Diraja daripada British
- Pada tahun 1881, syarikat dikenali sebagai Syarikat British Borneo Utara (SBUB) dan memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun
- Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British
- Pajak ke atas Sabah telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu, Sultan Esmail Kiram pada 22 Januari 1958
- Pada bulan Jun 1966, Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia
- Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha memperbaiki hubungan antara kedua-dua buah negara melalui MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia)

#### **5 Jelaskan peranan Suruhanjaya Cobbold.**

- Suruhanjaya Cobbold disertai oleh Lord Cobbold (pengerusi), Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston
- Antara rakyat tempatan ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie
- Suruhanjaya ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia
- Membuat penilaian
- Mengemukakan cadangan kepada British
- Suruhanjaya meninjau pendapat 4000 orang penduduk Sarawak dan Sabah
- Suruhanjaya menerima memorandum daripada pelbagai pertubuhan
- Suruhanjaya Cobbold mengemukakan cadangan
- Satu pertiga menyokong Gagasan Malaysia tanpa syarat
- Satu pertiga menyokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka dilindungi
- Satu pertiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia

**6 Garis masa berikut menunjukkan langkah ke arah pembentukan Malaysia pada 16 September 1965.**

**(a) Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.**

- **Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sabah dan Sarawak (Jun 1961)**
- Untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan
- Rundingan antara pegawai Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura
- Hasilnya, penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)
- **Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) (Julai 1961)**
- Ditubuhkan di Singapura
- Dipengerusikan oleh Donald Stephens
- Berperanan untuk menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia
- Mengumpulkan pandangan penduduk
- Menggalakkan kegiatan ke arah penubuhan Malaysia
- Bermesyuarat sebanyak empat kali, iaitu Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura
- Brunei menghantar pemerhati
- Mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold
- Mengandungi pandangan Sabah dan Sarawak untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan baharu
- **Suruhanjaya Cobbold (1962)**
- Dipengerusikan oleh Lord Cobbold dan dibantu oleh Sir Anthony Abell serta Sir David Watherston
- Anggota rakyat tempatan ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie
- Bertujuan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia
- Membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada British
- **Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) (Ogos 1962)**
- Dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah
- Dipengerusikan oleh Lord Landsdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu iaitu Tun Abdul Razak
- Bermesyuarat sebanyak 24 kali
- Bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia
- **Suruhanjaya PBB**

- *United Nations Malaysia Mission* (UNMM) telah dibentuk oleh Setiausaha Agung PBB, U Thant
- PBB menghantar Lawrence Michaelmore dari Amerika Syarikat bersama tujuh orang wakil dari Czechoslovakia, Argentina, Brazil, Ceylon, Pakistan, Jepun dan Republik Arab Bersatu
- Bagi meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah
- Mendapati majoriti rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju

**(b) Jelaskan kronologi yang membawa kepada Perjanjian Malaysia 1963.**

- Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada 9 Julai 1963
- Diluluskan oleh Parlimen Britain
- Ratu Elizabeth II memperkenankan Akta Malaysia
- Iaitu akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri yang dinamakan Malaysia
- Diluluskan pula oleh Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sarawak dan Majlis Undangan Sabah
- Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong (26 Ogos 1963)
- Negara Malaysia ditubuhkan secara rasmi (16 September 1963)

## **Bab 7**

**1 Senaraikan tiga peranan Suruhanjaya Pilihan Raya.**

- Menentukan sempadan bahagian pilihan raya
- Menjalankan pendaftaran pemilih
- Menjalankan pilihan raya umum atau pilihan raya kecil
- Memastikan pilihan raya dijalankan dengan efektif, adil dan saksama

**2 Apakah yang dimaksudkan dengan Persekutuan?**

- Persekutuan bermaksud beberapa buah negeri yang mempunyai sebuah kerajaan serta beberapa buah kerajaan negeri


**3 Senaraikan dua bidang kuasa dalam Senarai Persekutuan.**

- Hal ehwal luar negeri
- Pertahanan
- Keselamatan dalam negeri

- Pentadbiran dan keadilan
- Kerakyatan negara
- Pilihanraya negara
- Kewangan
- Perniagaan, perdagangan dan perusahaan
- Jabatan ukur, penyelidikan
- Kerja raya dan tenaga pusat
- Pelajaran
- Kesihatan
- Orang Asli

#### 4 Apakah maksud perlembagaan?

- Perlembagaan ditakrifkan sebagai prinsip asas membentuk sesebuah negara
- Memandu kerajaan membuat sesuatu keputusan
- Panduan mengagih-agihkan kuasa antara institusi kerajaan
- Dokumen rasmi yang mengandungi peraturan dan undang-undang tertinggi
- Menjadi rujukan kepada kerajaan untuk memerintah dan mentadbir negara
- Menentukan hala tuju pentadbiran negara



#### 5 Rajah di atas menunjukkan Malaysia ialah sebuah negara Persekutuan.


##### (a) Apakah yang dimaksudkan Kerajaan Persekutuan?

- Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri
- Mempunyai sebuah Kerajaan Pusat serta beberapa buah Kerajaan Negeri
- Persekutuan merupakan satu kaedah menyatupadukan pelbagai wilayah yang berasingan
- Kedua-dua kerajaan menjalankan tugas berdasarkan kuasa yang diperuntukkan perlembagaan
- Kerajaan Pusat berkuasa penuh terhadap hal ehwal luar negeri dan semua perkara melibatkan kepentingan semua negeri yang bergabung di bawahnya

- Kerajaan Negeri masih mempunyai kebebasan untuk memerintah negeri masing-masing
- Senarai Persekutuan menyenaraikan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, iaitu Kerajaan Pusat sahaja mempunyai kuasa terhadapnya
- Senarai Negeri menyenaraikan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada negeri, iaitu Kerajaan Negeri sahaja mempunyai kuasa terhadapnya
- Senarai Bersama menyenaraikan bidang kuasa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya

**(b) Mengapakah pemerintahan Malaysia mengamalkan pengagihan kuasa pentadbiran antara pusat dan negeri?**

- Mewujudkan Kerajaan Pusat yang stabil dan berwibawa
- Membantu mengurangkan perbalahan antara etnik
- Menjamin keadilan dan kesaksamaan
- Mengamalkan toleransi untuk kepentingan bersama
- Memesatkan pembangunan
- Menjamin kedaulatan negeri
- Menjamin kecekapan pentadbiran



**6 Rajah di atas menunjukkan unsur Parlimen yang menjadi badan perundangan negara.**

**(a) Nyatakan ciri-ciri Dewan Negara.**

- Merupakan dewan tertinggi dalam pemerintahan negara kita
- Mengandungi 69 orang ahli
- Ahli dewan Negara digelar Senator dan mewakili setiap negeri
- Seseorang Senato memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun
- Senator berumur sekurang-kurangnya 30 tahun

- Taraf Senator sama dengan Ahli Parlimen
- Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri
- Mereka tidak dilantik melalui pilihan raya tetapi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
- Individu yang memberi sumbangan cemerlang dalam perkhidmatan awam atau bidang profesional seperti perniagaan, perusahaan, pertanian, kesenian dan kebajikan, atau mewakili sesuatu kumpulan minoriti seperti Orang Asli
- Keahlian Dewan Negara dibahagi kepada tiga kumpulan iaitu dua orang ahli dipilih setiap Dewan Undangan Negeri
- Dua ahli yang dipilih oleh Yang di-Petuan Agong yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli mewakili Wilayah Persekutuan Labuan
- YDPA melantik seramai 40 orang ahli
- Individu yang mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang

**(b) Bincangkan proses meluluskan undang-undang di parlimen.**

- Cadangan oleh kerajaan atau wakil rakyat
- Pengubalan rang undang-undang oleh peguam
- Pembacaan pertama di Dewan Rakyat sebagai pengenalan sahaja, tidak dibahaskan
- Pembacaan kedua di Dewan Rakyat dan rang undang-undang dibahaskan dari segi dasar
- Perbincangan secara terperinci pada peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat
- Pembacaan ketiga di Dewan Rakyat. Rang undang-undang ini dibahaskan semula dengan pindaan terperinci oleh Jawatankuasa Dewan
- Pembentangan di Dewan Negara. Proses seperti di Dewan Rakyat diulangi
- Pengesahan dihantar kepa DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangani
- Pewartaan atau pemberitahuan dala Warta Kerajaan

## **Bab 8**

**1 Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk membentuk Dasar Pendidikan Kebangsaan sebelum tahun 1955.**

- **Laporan Barnes 1950**
- Mencadangkan semua sekolah vernakular Melayu, China dan tamil dibubarkan
- Digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan
- Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah
- Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar peringkat sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi
- Ditentang oleh masyarakat China kerana menganggap bahasa ibunda mereka akan terugat
- **Laporan Fenn-Wu 1951**



- Mewakili masyarakat China mencadangkan sekolah vernakular China terus
- Bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan
- **Ordinan Pelajaran 1952**
- Mengambil kira Laporan Barnes dan laporan Fenn-Wu
- Mencadangkan dua sistem persekolahan menggunakan dua bahasa pengantar bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
- Pengajaran bahasa China dan Tamil akan disediakan sekiranya ada permintaan daripada ibu bapa
- Bahasa Melayu diwajibkan diajara di sekolah Inggeris
- Bahasa Inggeris diwajibkan di sekolah Melayu
- Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dijalankan kerana:
  - Tentangan masyarakat China dan India
  - Kekurangan kewangan
  - Ancaman pengganas komunis

## 2 Nyatakan syor-syor dalam Penyata Rahman Talib

- Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan bagi memupuk semangat perpaduan kaum
- Sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan
- Pelajaran percuma tanpa mengira keturunan dan agama
- Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Sekolah rendah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di sekolah menengah
- Pelajaran Agama Islam diajarkan di semua sekolah bantuan penuh kerajaan sekiranya terdapat tidak kurang 15 orang pelajar Islam
- Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekiranya terdapat tidak kurang 15 orang pelajar
- Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan

---

## Bab 9

### 1 Senaraikan tiga prinsip perjuangan NAM.

- Mengelakkan campur tangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara

- Menghormati kedaulatan sesebuah negara
- Menyelesaikan pertelingkahan antara negara melalui perundingan dan kesefahaman
- Menghormati hak asasi manusia

**2 Senaraikan anggota Pakatan Bertiga.**

- Britain
- Perancis
- Rusia
- Jepun dan Amerika Syarikat

**3 Komanwel ditubuhkan pada tahun 1931 dan keanggotaannya terdiri daripada 54 buah negara.**

**(a) Nyatakan syarat menjadi anggota Komanwel.**

- Bekas tanah jajahan Britain yang telah merdeka

**(b) Apakah matlamat penubuhan Komanwel?**

- Membina semangat setia kawan antara anggota
- Mewujudkan kerjasama dalam semua bidang

**4 Terangkan maksud logo ASEAN.**

- **Sepuluh tangkai padi** – sepuluh buah negara di Asia Tenggara yang diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan
- **Bulatan** – semangat bersatu padu dalam ASEAN

**5 (a) Nyatakan matlamat penubuhan *Non-Aligned Movement* (NAM).**

- Mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok Barat atau blok Komunis

**(b) Senaraikan prinsip perjuangan NAM.**

- Mengelakkan campurtangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara
- Menghormati kedaulatan sesebuah negara
- Menyelesaikan pertelingkahan antara negara melalui perundingan dan persefahaman
- Menghormati hak asasi manusia

**6 Negara-negara Selatan dikenali juga sebagai Negara Dunia Ketiga.**

**(a) Nyatakan ciri persamaan Negara-negara Selatan.**

- Latar belakang ekonomi
- Pernah dijajah oleh kuasa Barat
- Bergantung kepada negara maju dalam pemasaran bahan mentah

**(b) Apakah matlamat penubuhan Negara-negara Selatan?**

- Mengatasi harga eksport bahan-bahan mentah
- Meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal dalam kalangan negara-negara anggota tanpa bergantung kepada negara maju

**7 Penyelesaian Perang Dunia Kedua dicapai dalam beberapa siri persidangan. Hal ini membangkitkan bibit perpecahan dan akhirnya membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.**

**(a) Nyatakan maksud blok dunia.**

- Negara sehaluan yang berusaha untuk bersatu dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli

**(b) Mengapakah berlakunya Perang Dingin?**

- Ideologi dan fahaman politik berbeza
- Persaingan kuasa antara blok
- Membuktikan kekuatan antara blok
- Membuktikan kekuatan pengaruh
- Memelihara kepentingan

**(c) Bagaimanakah Perang Dingin dilancarkan?**

- Tiada konflik bersenjata secara langsung
- Menyebarkan pengaruh
- Memajukan kepentingan masing-masing

**(d) Apakah kesan Perang Dingin?**

- Pembentukan blok dunia Blok Kapitalis dan Blok Komunis
- Penubuhan NATO
- Pakatan Warsaw
- Pertubuhan SEATO
- Persaingan senjata

**8 (a) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama.**

- Pada penghujung abad ke 19, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu
- Membentuk negara bangsa yang lebih besar, contohnya Jerman dan Itali
- Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Rusia dalam usaha mendapatkan tanah jajahan
- Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaan masing-masing
- Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, berlaku persaingan sengit dalam kalangan kuasa-kuasa Eropah akibat Imperialisme Baru
- Kuasa-kuasa besar bersaing bagi mewujudkan lingkungan pengaruh masing-masing
- Faktor ekonomi melibatkan kuasa-kuasa besar bersaing mendapatkan bahan mentah
- Memasarkan barangan siap
- Menjelang awal abad ke-20, negara Eropah mempunyai dua pakatan, iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Perikatan Bertiga
- Perikatan Kuasa Tengah (Triple Alliance) dianggotai negara Jerman, Austria-Hungary, dan Itali
- Perikatan turut disertai oleh Turki dan Bulgaria
- Perikatan Bertiga (Triple Entente) terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia
- Pakatan turut disertai oleh Itali dan Jepun
- Persaingan antara kedua-dua pakatan telah mengancam perimbangan kuasa ketika itu

**(b) Apakah kesan perang Dunia Pertama?**

- Dari segi politik, Perang Dunia Pertama telah menamatkan pemerintahan beraja di Eropah
- Persidangan damai pada tahun 1919 memeterai Perjanjian Versailles
- Perjanjian membentuk Liga Bangsa pada tahun 1919
- Mengubah peta Eropah dan pembentukan negara-negara baharu di Eropah seperti di Poland
- Dari segi ekonomi, negara-negara yang berperang mengalami inflasi dan penggangguran berleluasa
- Menanggung hutang perang yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar
- Pakatan bertiga telah membelanjakan US\$25 bilion manakalan Perikatan Kuasa Tengah US\$60 bilion
- Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun

**9 Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)?**

- Mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam
- Mengeratkan hubungan sesama Islam dalam segala bidang
- Bersuara dalam satu nada bagi kepentingan umat Islam

- Bersama-sama memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari

**10 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 selepas Perang Dunia Kedua tamat.**

**(a) Nyatakan agensi PBB yang dianggotai oleh Malaysia.**

- Malaysia bekerjasama menyertai agensi PBB seperti dalam bidang pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian atau *Food and Agricultural Organisation* (FAO)
- Kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah pertubuhan Kesihatan Dunia atau *World Health Organisation* (WHO)
- Kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-bangsa Bersatu atau United Nations for Education, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)
- Menjadi ahli Bank Dunia